



SEKITAR PERPUSTAKAAN

ISSN 0127-1172

BIL. 52/ 2021

PEMBANGUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN DESA BAGI MELESTARI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT MASYARAKAT LUAR BANDAR

Adam Zulkarnain Saleng

PROGRAM BACAAN PANTAS STAF UITM PUNCAK ALAM: KAJIAN TERHADAP PENCAPAIAN PESERTA

Nurul Diana Jasni

TAN SRI DATO' DR. MOHD. RASHDAN BIN HAJI BABA, PENERUSI, LEMBAGA PENASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (1984-2005)

Dato' Zawiyah Baba

PEMAPARAN DIALEK SUKU KAUM JAKUN MELALUI PROGRAM RENOVASI PUSAT SUMBER SK KAMPONG BAHARU, LENGA, JOHOR

Mohamad Suhaizi Suhaimi
Mohamad Yusrizal Mohamad Noor
Nurul Najihah Abdullah Thani

DAR AL HIKMAH LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT PROJECT: FACILITATING ACCESS TO SCHOOL RESOURCE CENTRE

Siti Hawa Darus
Fadzilah Abdullah
Ahmad Zaki Rashid
Sarifah Abdullah

PENGENALAN KEPADA KOLEKSI MALYSIANA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Jasreena Jamil
Adam Zulkarnain Saleng
Ima Eryanty Abdul Manaf

MAKLUM BALAS WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA MENGENAI PROGRAM IMUNISASI COVID-19

Adam Zulkarnain Saleng



SEKITAR PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
KUALA LUMPUR
2021

**Penulisan hendaklah diusulkan kepada /
*Writing contributions may be forwarded to:***

Ketua Editor / *Chief Editor*,
Sekitar Perpustakaan,
Perpustakaan Negara Malaysia,
232, Jalan Tun Razak,
50572, Kuala Lumpur.

Pengedaran oleh / *Distributed by:*

Unit Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Negara Malaysia,
232, Jalan Tun Razak,
50572, Kuala Lumpur.
E-mel: penerbitan@pnm.gov.my

SIDANG PENGARANG *EDITORIAL BOARD*

PENASIHAT / ADVISOR

Salasiah Abdul Wahab
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia
Director-General, National Library of Malaysia

KETUA EDITOR / CHIEF EDITOR

Fadhilah Aini Md Yusof
Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia
Deputy Director-General, National Library of Malaysia

EDITOR / EDITORS

Haslinda Husaini
Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana
Senior Lecturer, Faculty Information Management UiTM Puncak Perdana

Anisatul Wahidah Abdul Wahid
Timbalan Pengarah Kanan, Pusat Bibliografi Negara
Senior Deputy Director, National Bibliography Centre

Faizal Hilmie Yusof
Timbalan Pengarah Kanan, Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
Senior Deputy Director, National Center for Malay Manuscript

Ruzilah Ehsan
Timbalah Pengarah, Bahagian Penyelidikan
Deputy Director, Research Department

PENOLONG EDITOR / ASSISTANT EDITOR

Nur Amalina Mohamad
Pegawai MySTEP Gred 41, Bahagian Komunikasi Korporat
Asst. Director, Corporate Communication Department

Nur Amirah Anuar
Penolong Pustakawan, Bahagian Komunikasi Korporat
Asst. Librarian, Corporate Communication Department

KOORDINATOR PENERBITAN / PUBLICATIONS COORDINATOR

Charles Brilee
Timbalan Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat
Deputy Director, Corporate Communication Department

Siti Zubaidah Ahmad
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat
Senior Asst. Director, Corporate Communication Department

©Perpustakaan Negara Malaysia, 2021
Sekitar Perpustakaan diterbitkan dua kali setahun. Pengarang bertanggungjawab penuh bagi pendapat yang dinyatakan dalam setiap artikel.

Hakcipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

©Perpustakaan Negara Malaysia, 2021

Sekitar Perpustakaan is published biannually. Authors of the paper are solely responsible for the opinions expressed in each paper wrote.

All rights reserved. Any forms of reproduction is prohibited except with the prior written permission from the the Director-General of National Library of Malaysia.

KANDUNGAN **CONTENT**

PEMBANGUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN DESA BAGI MELESTARI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT MASYARAKAT LUAR BANDAR Adam Zulkarnain Saleng	7
PROGRAM BACAAN PANTAS STAF UiTM PUNCAK ALAM: KAJIAN TERHADAP PENCAPAIAN PESERTA Nurul Diana Jasni	18
TAN SRI DATO' DR. MOHD. RASHDAN BIN HAJI BABA, PENERUS, LEMBAGA PENASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (1984-2005) Dato' Zawiyah Baba	26
PEMAPARAN DIALEK SUKU KAUM JAKUN MELALUI PROGRAM RENOVASI PUSAT SUMBER SK KAMPONG BAHARU, LENGA, JOHOR Mohamad Suhaizi Suhaimi Mohamad Yusrizal Mohamad Noor Nurul Najihah Abdullah Thani	29
DAR AL HIKMAH LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT PROJECT: FACILITATING ACCESS TO SCHOOL RESOURCE CENTRE Siti Hawa Darus Fadzilah Abdullah Ahmad Zaki Rashid Sarifah Abdullah	36
PENGENALAN KEPADA KOLEKSI MALAYSIANA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA Jasreena Jamil Adam Zulkarnain Saleng Ima Eryanty Abdul Manaf	50
MAKLUM BALAS WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA MENGENAI PROGRAM IMUNISASI COVID-19 Adam Zulkarnain Saleng	66

PEMBANGUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN DESA BAGI MELESTARI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT MASYARAKAT LUAR BANDAR

Adam Zulkarnain Saleng

Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia

adam@pnm.gov.my

Ruzilah Ehsan

Timbalan Pengarah

Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia

ruzilah@pnm.gov.my

Siti Diana Dahlan

Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia

siti_diana@pnm.gov.my

Abstrak

Penubuhan Perpustakaan Desa (PD) di seluruh Malaysia telah memberi manfaat dan peluang kepada masyarakat bandar luar bandar untuk menikmati kemudahan bahan bacaan dengan mudah dan percuma terutama bagi golongan B40 dan M40. Sehingga kini, 512 buah PD telah dibina dan ditadbir urus oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan 587 PD di bawah tadbir urus Perpustakaan Awam Negeri (PAN). Pada tahun 2019, berdasarkan dapatan statistik, direkodkan sebanyak 4.3 juta transaksi peminjaman bahan dilakukan dan sebanyak 3.6 juta bahan yang dirujuk. Secara amnya, objektif penubuhan PD adalah untuk memberi kemudahan akses bahan bacaan kepada masyarakat dengan cepat dan mudah. Antara perkara yang diambil perhatian dalam membangunkan koleksi PD adalah mengenal pasti keperluan sesebuah komuniti berdasarkan demografi komuniti tersebut seperti kaum, jantina, pekerjaan, sosioekonomi, lokasi, penggunaan teknologi dan peruntukan yang disediakan. Pembangunan koleksi PD perlu menumpukan kepada keperluan komuniti setempat. Peranan PD dapat membantu komuniti setempat dari segi pembelajaran, mendapatkan maklumat berkaitan perusahaan, kesedaran semasa, aktiviti riadah bagi mengisi masa lapang dan tempat penyebaran maklumat kerajaan. Pembangunan koleksi yang lestari akan dapat memberi banyak manfaat kepada komuniti dan pengurusan perpustakaan yang baik dari segi penyediaan peruntukan yang sesuai dan memperoleh bahan yang sesuai dapat membantu kerajaan untuk membentuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat luar bandar serta dapat menyokong aspirasi kerajaan seperti Dekad Membaca Kebangsaan (DMK). Pengukuhan koleksi bahan PD ini amat penting demi menjamin penerokaan pengetahuan baharu, membantu masyarakat bermandiri dan membentuk ketamadunan yang tinggi bagi sesebuah negara.

Penggunaan bahan digital juga amat diperlukan dan capaian yang cepat dan mudah. PD juga seharusnya mengutamakan penyediaan sumber digital melalui platform Portal u-Pustaka yang menyediakan lebih 52.9 juta kandungan digital bagi menyokong koleksi fizikal sedia ada.

Kata kunci: Koleksi Perpustakaan Desa, Perpustakaan Desa, Pembacaan Sepanjang Hayat

Pendahuluan

Usaha kerajaan untuk membasmi buta huruf rakyat Malaysia di luar bandar dengan lebih menyeluruh dapat direalisasikan dengan penubuhan Perpustakaan Desa (PD) pada tahun 1993 iaitu melalui Rancangan Malaysia ke-6. Perpustakaan Awam Negeri (PAN) yang dipertanggungjawabkan untuk membina sebanyak 614 buah PD dengan bantuan Kerajaan Persekutuan. PD tersebut telah dibina di kampung-kampung yang tidak mempunyai akses kepada perpustakaan sama ada di pekan mahupun bandar.

Penubuhan PD pada asasnya bertujuan untuk memberi perkhidmatan bahan maklumat kepada masyarakat luar bandar dan sekitarnya. Buku Garis Panduan Pengurusan PD 2010 yang diterbitkan oleh PNM menerangkan bahawa peranan dan tujuan penubuhan PD adalah untuk menjadikan PD sebagai pusat maklumat bagi memenuhi keperluan dan kehendak maklumat masyarakat setempat dan dapat menggalakkan budaya membaca serta menangani jurang ilmu dan digital dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, PD memainkan peranan sebagai titik sentuh utama (*touch point*) dan salah satu agen sosialisasi masyarakat luar bandar dapat menjana aktiviti ke arah pembangunan sosial masyarakat.

Salah satu usaha untuk memastikan masyarakat luar bandar agar tidak terpicir dari kesan perkembangan maklumat adalah dengan menyediakan koleksi bahan bacaan yang mencukupi dan memenuhi kehendak setempat. Sehingga tahun 2019, jumlah koleksi PD di Malaysia berjumlah 13.4 juta naskhah. Mengikut data statistik sehingga tahun 2019, sebanyak 2 juta orang telah menjadi ahli PD seluruh negara dan merekodkan sebanyak 4.4 juta pengunjung. Pertambahan jumlah koleksi dan pengunjung PD, menunjukkan masyarakat luar bandar dapat mendepani jurang maklumat antara masyarakat bandar dan luar bandar yang berlaku pada masa dahulu melalui penubuhan PD. Hakikatnya, masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam semua aspek kerana ia dapat diatasi dengan ketersediaan PD yang dapat menyediakan bahan maklumat kepada mereka.

Latar Belakang

Melihat kepada perkembangan yang positif dalam pembangunan PD di Malaysia, maka matlamat kerajaan untuk merapatkan jurang maklumat antara bandar dan luar bandar akan tercapai dengan mudah dan pantas. Menurut Samsul Farid (2014), PD merupakan agen kepada penstrukturan semula sosial kerana menyediakan bimbingan dari segi pembelajaran dan kemahiran kepada masyarakat setempat dalam pelbagai bidang. Sumber bacaan adalah perkhidmatan utama yang ditawarkan oleh PD. Antara bahan bacaan yang disediakan adalah bahan rujukan dalam pelbagai bidang serta bacaan ringan seperti buku kanak-kanak, novel dan majalah.

Vavrek (1995) menyatakan bahawa PD adalah sumber pengetahuan dan hiburan untuk masyarakat luar bandar. Oleh itu, kewujudan PD dapat memberi kemudahan tambahan berasaskan pengetahuan kepada pengguna. Shariful Islam (2009) menyatakan bahawa terdapat banyak manfaat PD yang boleh ditawarkan

kepada pengguna dan dapat mewujudkan masyarakat berpelajaran, meningkatkan kemahiran membaca dan mewujudkan kesedaran sosial. Kesemua ini perlu fokus kepada penyediaan bahan bacaan yang sesuai kepada pengguna.

Terdapat 3 (tiga) perkara asas dalam penubuhan PD iaitu sebagai sebuah prasarana atau kemudahan, sebagai menyokong pendidikan atau pembelajaran sepanjang hayat dan sebagai menyokong pembangunan desa itu sendiri dari segi pembangunan pendidikan (Nanda, 2015). Justeru, PD perlu memberi tumpuan kepada aspek penyediaan perkhidmatan yang lengkap dengan koleksi dan prasarana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Petugas PD juga mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan agar dapat memberi perkhidmatan yang baik dan maklumat yang disediakan adalah maklumat yang tepat.

Kajian Literatur

Menurut Kajian Minat Membaca di Kalangan Pengguna PD 2010 yang telah dijalankan oleh PNM mendapati tabiat membaca dalam kalangan pengguna PD iaitu majoritinya adalah pelajar sekolah sebanyak 97%. Sebanyak 34.3% responden membaca adalah untuk menambah ilmu, 26.6% mengisi masa lapang dan 19.6% untuk pelajaran. Kajian lain yang dijalankan oleh PNM pada tahun 2012 pula, menunjukkan sebanyak 28% responden mengunjungi PD adalah disebabkan koleksi bahan yang lengkap, 20.1% persekitaran yang selesa dan 19.2% kemudahan internet.

Fatimah Abdillah (1999) dalam kajiannya berkaitan PD di Sabah, telah menunjukkan perkembangan yang memuaskan sejak pembukaan PD yang pertama pada tahun 1986. Keperluan menubuhkan PD ini lahir daripada kesedaran untuk membasmi buta huruf di kalangan penduduk luar bandar dan menanam minat membaca di kalangan mereka. Dapatan kajian menunjukkan sejumlah 88% daripada responden dapat mencari bahan yang mereka inginkan di perpustakaan dan kekerapan pinjaman buku juga adalah tinggi dengan 80% responden adalah peminjam buku yang aktif. Alam (2015) mengatakan PD sebagai tempat untuk membangunkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat luar bandar

Objektif Kajian

Dalam penulisan ini, objektif kajian ialah untuk mengenal pasti keperluan bahan bacaan pengguna di PD, mengenal pasti kesesuaian bahan koleksi PD dan mengenal pasti trend penggunaan bahan bacaan di PD.

Soalan Kajian

Apakah keperluan bahan bacaan pengguna di PD?
Adakah bahan koleksi PD sesuai dengan komuniti?
Apakah trend penggunaan bahan koleksi pengguna PD?

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kaedah gabungan atau *mix method* iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama dan kualitatif menggunakan pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen sebagai instrumen pungutan data.

Edaran Soal Selidik

Kajian ini menggunakan Teknik Persampelan Kluster. Sebanyak 600 set borang soal selidik telah diedarkan kepada 20 buah PD yang telah dikenal pasti mengikut zon. Negeri yang terlibat ialah Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Edaran borang soal selidik telah dilaksanakan pada bulan Jun 2017 melalui pos, di mana setiap PD diedarkan sebanyak 30 set borang soal selidik. Tempoh selama dua (2) minggu diberi bagi melengkapkan set borang soal selidik. Sebanyak 510 borang soal selidik telah dikembalikan tetapi hanya 400 borang yang dianalisis. Populasi sejumlah sejuta dan ke atas memadai menggunakan sampel sebanyak 384 responden sahaja berdasarkan kepada Krejcie & Morgan (1970).

Kutipan Data Secara Pemerhatian dan Temu Bual

Sebanyak 16 buah PD terlibat dalam pungutan data. Pungutan data dilaksanakan melalui pemerhatian dan temu bual dengan petugas PD. Sesi temu bual dengan responden kajian dipilih melalui persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Ini bermakna tidak semua kajian dalam populasinya dipilih oleh pengkaji sebagai responden. Persampelan bertujuan digunakan untuk mengenal pasti keperluan responden mencari bahan berkaitan dengan sosioekonomi mereka seperti perkampungan nelayan, perladangan dan sebagainya.

Pengkaji menggunakan pemerhatian secara penglibatan iaitu dengan melibatkan diri dengan ruang lingkup yang dikaji untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan. Satu borang digunakan sebagai panduan semasa pemerhatian dijalankan untuk mencatat segala pemerhatian yang dijalankan di PD yang terlibat.

Analisis Dokumen

Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu (Jasmi 2012). Antara dokumen yang dianalisis adalah seperti rekod pinjaman koleksi PD, rekod keahlian PD, dokumen demografi penduduk sekitar (komuniti), dokumen pembelian dan agihan koleksi PD, minit mesyuarat berkaitan PD serta foto koleksi PD.

Dapatan Kajian


Dapatan kajian berdasarkan kutipan data daripada borang soal selidik, melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang dilaksanakan di lapangan. Huraian akan merujuk kepada objektif kajian seperti berikut:

Keperluan bahan koleksi pengguna PD

Koleksi kegemaran pengguna PD mengikut bidang subjek

Kajian mendapati koleksi PD dilabelkan mengikut pengelasan *Dewey Decimal Classification Scheme* (DDC) iaitu menggunakan nombor dari 000 hingga 999. Nombor-nombor tersebut mewakili subjek tertentu. Seramai 183 responden memilih subjek Agama yang dikelaskan dalam kelas 200 sebagai koleksi kegemaran mereka. Seterusnya subjek Bahasa yang dikelaskan sebagai kelas 400 dipilih oleh seramai 150 responden dan diikuti subjek Karya Am iaitu kelas 000 dipilih oleh 108 responden seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.


Rajah.1: Koleksi Kegemaran Pengguna PD



Tujuan menggunakan koleksi bahan PD

Seramai 317 (79%) responden memilih riadah atau mengisi masa lapang sebagai tujuan mereka mengunjungi PD. Ini menunjukkan pengguna meluangkan masa mereka untuk riadah di PD sebagai salah satu aktiviti bermanfaat dan mereka lebih cenderung kepada bacaan ringan serta santai.


Rajah.2: Tujuan Mengunjungi PD



Cara mendapatkan bahan

Secara keseluruhannya, responden bersetuju dan sangat bersetuju mengenai cara mereka mendapatkan bahan iaitu dengan bantuan petugas (80%), dengan mencari terus di rak (67.5%) dan meminjam daripada individu lain (65%).


Rajah.3: Cara Memperoleh Bahan



Memenuhi keperluan maklumat pengguna

Sebanyak 45% responden memilih bahawa koleksi PD tidak memenuhi keperluan mereka di mana tiada bahan (45%), bahan dipinjam oleh pengguna lain (64%) dan bahan tidak mencukupi (58%).


Rajah.4: Memenuhi Keperluan Pengguna



Sumber alternatif selain PD

Kajian menunjukkan bahan bacaan diperolehi oleh responden daripada bahan dari sumber lain adalah dari internet (81%), organisasi lain (76%), rakan (76.5%), kedai buku (77%) dan perpustakaan lain (59%).

Rajah.5: Sumber Alternatif



Kesesuaian Bahan Koleksi PD

Merujuk kepada statistik koleksi bahan di PD dianggarkan terdapat sebanyak 8,000 hingga 13,000 buah buku di setiap PD. Responden menyatakan mereka berpuas hati dan bersetuju bahawa bahan koleksi PD adalah terkini, relevan, pelbagai subjek dan memenuhi kehendak mereka kerana PD menyediakan buku-buku baharu pada setiap tahun. Berikut adalah penilaian bahan PD yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual.1: Penilaian Bahan PD

Bil.	Perkara	Bahan Bacaan Dewasa	Bahan Bacaan Kanak kanak	Bahan Bacaan Terbitan Bersiri/Majalah	Bahan Bacaan Rujukan	Purata (%)
1.	Maklumat terkini	73.5	66.0	55.8	69.8	66.3
2.	Relevan	62.8	56.5	48.2	62.3	57.5
3.	Subjek pelbagai	71.0	62.3	52.3	65.8	62.9
4.	Penuhi keperluan	68.5	60.0	52.0	58.2	59.8

Pempakejan Bahan

Kajian mendapati kebanyakan PD tidak memberi perkhidmatan pempakejan maklumat. Petugas PD masih tidak mahir dan tidak memahami konsep pempakejan maklumat. Ini adalah kerana terdapat segelintir petugas PD tidak mengetahui maksud pempakejan maklumat untuk kandungan tempatan (local content).

Bentuk koleksi bahan PD

Bahan-bahan di PD hanya dalam bentuk bercetak. Beberapa bahan dalam bentuk CD yang terdapat di PD merupakan bahan iringan (*acompanying material*) pada bahan tertentu.

Trend Penggunaan Koleksi Bahan Pengguna PD

Berdasarkan statistik kumulatif koleksi PD sehingga 2019, perolehan koleksi buku PD menunjukkan sebanyak 13.4 juta naskhah telah disediakan oleh PD di seluruh negara untuk penggunaan komuniti.

Keadaan bahan

Kebanyakan koleksi berada dalam keadaan baik dan disusun rapi di rak. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah PD yang dilawati menunjukkan sebaliknya di mana buku yang berada di rak berselerak dan tidak disusun dengan baik. Ini disebabkan hanya terdapat seorang petugas PD dan pengguna tidak meletakkan buku yang telah dirujuk di tempat yang telah disediakan selepas menggunakannya.

Terdapat di sesetengah PD buku berhabuk seperti tidak terusik. Hasil pemerhatian menunjukkan keadaan ini disebabkan oleh faktor persekitaran yang cepat berhabuk. Semasa membuat semakan secara rawak terhadap buku rujukan di rak menunjukkan kebanyakan buku tidak pernah dicap tarikh pinjaman walaupun buku tersebut boleh dipinjam. Berbeza dengan buku novel, kanak-kanak dan bacaan ringan yang dicap tarikh pinjaman. Keadaan ini menunjukkan pengguna gemar membaca bahan-bahan bacaan ringan dan santai.

Jadual.2: Pengurusan Bahan Koleksi

Bil.	Perkara	Dapatan
1.	Status Kekinian Bahan	Setiap tahun PD yang dilawati akan mendapat bahan bacaan baharu yang disalurkan oleh PNM. Dianggarkan sebanyak 250 hingga 300 buah buku diterima. Berdasarkan perolehan buku PD dari tahun 2005 hingga 2019 sebanyak 5,086,548 naskhah buku terdapat di PD PNM diseluruh negara.
2.	Pinjaman Bahan Bacaan	Hasil pemerhatian, terdapat bahan-bahan bacaan yang tidak pernah diguna atau dipinjam.
3.	Proses Bahan	Kesemua bahan bacaan yang diterima oleh PD telah diproses dan boleh dirujuk oleh pengguna.
4.	Buku Bacaan Disimpan dalam Kotak	Hasil pemerhatian di semua PD menunjukkan terdapat bahan bacaan yang disimpan di dalam kotak dan tidak digunakan. Keadaan ini berlaku kerana: i) Ruang tidak mencukupi dengan pertambahan bahan bacaan setiap tahun; ii) Terdapat bahan bacaan yang tidak digunakan oleh pengguna (buku lama); dan iii) Bahan bacaan yang hendak dilupus tetapi tidak diambil tindakan selanjutnya.
5.	Buku Rosak	Buku yang rosak tidak dapat dibaiki kerana petugas PD tiada kepakaran untuk membaikinya.
6.	Pencarian Bahan	Kebanyakan buku yang terdapat di PD tidak dapat dikenal pasti oleh petugas PD sendiri kerana PD tidak mempunyai satu sistem untuk merekod koleksi sedia ada atau buku yang hilang. Petugas PD tidak dapat memberi jawapan yang tepat kepada pengguna apabila ditanya mengenai buku yang diperlukan sama ada ianya ada atau tiada di PD. Ketiadaan sistem telah menyukarkan petugas PD untuk mencari bahan,

		mengenal pasti bahan yang ada dan memberi maklumat berkaitan bahan dengan tepat.
7.	Tidak Menjalankan Aktiviti Pinjaman Berkelompok	Walaupun terdapat PD yang menjalankan aktiviti pinjaman berkelompok namun, kebanyakan PD tidak melakukannya dan keadaan ini menyebabkan buku yang ada di perpustakaan tidak digunakan sepenuhnya oleh komuniti sekitar.

Rumusan dan Cadangan

Beberapa cadangan diusulkan bagi penambahbaikan koleksi PD iaitu:

- i. Petugas PD hendaklah lebih giat mempromosikan perkhidmatan pinjaman berkelompok kepada institusi-institusi berhampiran seperti sekolah menengah, sekolah rendah, tadika, pejabat-pejabat kerajaan yang berhampiran dan juga melalui program door to door secara optimum.
- ii. Pelaksanaan aktiviti berkonsepkan budaya membaca perlu kerap dilaksanakan dan dipelbagaikan agar masyarakat sekeliling dapat memanfaatkan koleksi bahan PD yang disediakan.
- iii. Pengguna yang meminjam buku dibenarkan untuk meminjam 5 buah hingga 10 buah buku. Secara tidak langsung buku yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna.
- iv. Petugas PD perlu menjaga dan membersihkan PD supaya koleksi bahan tidak kotor dan berhabuk. Petugas PD juga hendaklah mengemas buku-buku di rak setiap hari sebelum perkhidmatan PD ditutup. Penyelia PD pula perlu memainkan peranan penting dengan menyelia secara lebih kerap PD bawah seliaannya.
- v. Petugas PD perlu diberikan latihan/kursus untuk menggunakan perisian yang bersesuaian seperti perisian excel bagi memudahkan proses sirkulasi dan pengurusan rekod status bahan yang lebih kemas dan teratur.
- vi. Perolehan bahan PD perlu mengambil kira keperluan sesebuah PD. Petugas PD perlu memaklumkan keperluan PD tersebut kepada Pegawai Wilayah masing-masing untuk dipertimbangkan dalam proses perolehan bahan. Pihak Bahagian Pembangunan Perpustakaan Desa (BPPD) selaku pihak yang menguruskan PD juga perlu memainkan peranan dalam pemilihan bahan supaya bertepatan dengan keperluan PD dan selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Perpustakaan Desa 2010, di mana PD perlu menyediakan koleksi yang pelbagai iaitu bentuk bahan bercetak dan bukan bercetak mengikut keperluan serta cadangan masyarakat setempat.
- vii. Penyelia PD perlu mengikuti kursus Literasi Media dan Maklumat (LMM) untuk mendapat pengetahuan tentang penyediaan maklumat seperti pempakejan maklumat dan maklumat komuniti.
- viii. Pegawai Wilayah perlu peka terhadap PD di bawah seliaannya. Selain dari menyelia aktiviti dan kondisi bangunan, koleksi bahan juga perlu diutamakan kerana koleksi bahan adalah aset kerajaan yang perlu diurus dengan sewajarnya. Pemantauan dan tunjuk ajar kepada Penyelia PD perlu diberikan dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Koleksi bahan PD adalah salah satu perkara penting dalam penyediaan perkhidmatan perpustakaan di samping perkhidmatan lain yang ditawarkan. Usaha untuk mempertingkatkan penggunaannya amat perlu bagi membantu pengguna memperoleh sumber maklumat dengan lebih cepat, mudah dan tepat. PD perlu menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan maklumat komuniti selaras dengan keperluan dan permintaan pengguna. Teknologi maklumat dan komunikasi terkini perlu digunakan secara maksimum dalam meningkatkan dan mempelbagaikan perkhidmatan sedia ada seperti bahan digital, akses internet, pangkalan data serta perkhidmatan lain yang boleh memberi kemudahan kepada pengguna.

PD sebagai barisan hadapan (*frontliner*) kepada komuniti setempat perlu berperanan sebagai titik sentuh (*touch point*) kepada nadi penyampaian maklumat dengan lebih pantas. Perkhidmatan kepada pengguna seperti perkhidmatan pintu ke pintu (*door to door*), pinjaman kelompok harus dipertingkatkan agar buku sampai kepada tujuan sasaran dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna. Pempakejan maklumat dan maklumat komuniti juga harus disediakan kerana ia merupakan salah satu nilai tambah kepada sesebuah PD dan juga sebahagian daripada perkhidmatan untuk menambah maklumat bagi tujuan rujukan, pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Ia dapat mewujudkan PD sebagai pusat maklumat setempat ataupun pusat sehenti (*one stops centre*) kepada maklumat. Peranan dan kewujudan PD perlu diserlahkan bukan sahaja berperanan sebagai penganjur dan pelaksana program/aktiviti galakan membaca semata-mata tetapi kekuatannya juga adalah dari segi koleksi bahan bacaan yang pelbagai dan berguna untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Memandangkan masa kini, penggunaan bahan digital amat diperlukan dan capaian yang cepat dan mudah. PD juga seharusnya mengutamakan penyediaan sumber digital melalui platform Portal u-Pustaka. Perkhidmatan Portal u-Pustaka mengandungi lebih 52.9 juta kandungan. Manfaat ini amat perlu dieksploitasi oleh PD bagi kegunaan masyarakat luar bandar bagi menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

Rujukan

- Alam, S. "Membangun Perpustakaan Desa Menjadi Peletak Dasar Lahirnya Budaya Baca Masyarakat di Pedesaan." *Jurnal Perpustakaan, Informasi dan Komputer (JUPITER)*. Vol.14 (2) (2015).
- Bahagian Penyelidikan Perpustakaan. *Perangkaan Perustakaan di Malaysia 2018*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2019.
- Fatimah Abdillah. *Keberkesanan Penggunaan Perpustakaan Desa di Sabah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1999.
- Kaniki, A. "Community Resource Centres and Resource Centre Forums in the Transformation and Post-transformation Era in South Africa." *African Journal of Library, Archives and Information Science*. Vol. 4 (1) (1994): 27-54.
- Nanda, A. A. *Peranan Perpustakaan Desa dalam Meningkatkan Minat Baca Masyarakat*. Malang: Prodi Ilmu Perpustakaan Fakultas Ilmu Administrasi, Universitas Brawijaya, 2015.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Garis Panduan yang digunakan dalam Aktiviti Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa di Seluruh Negara*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Garis Panduan Pengurusan Perpustakaan Desa*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2010.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Kajian Minat Membaca di Kalangan Pengguna Perpustakaan Desa (PD) 2010*. Dokumen tidak diterbitkan. Bahagian Penyelidikan Perpustakaan: Perpustakaan Negara Malaysia, 2011.
- Rosham Abdul Shukor. *Perpustakaan Desa di Masjid: Isu, Cabaran dan Halatuju*. Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan, 11-12 Ogos 2015, Masjid Negara Kuala Lumpur.
- Samsul Farid Samsuddin, *Peranan dan Keperluan Perpustakaan kepada Generasi Masa Depan: Perpustakaan Desa*. Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia: Transformasi Perpustakaan dan Perubahan Budaya: Peranan Pustakawan, 25-27 Ogos 2013, Melaka: Malaysia. 2014: 60-71.
- Shariful Islam, M. "The Community Development Library in Bangladesh." *Information Development*. 25 (2009): 99-111.
- Siti Zobidah et al. *Kajian Keberkesanan Perpustakaan Desa dalam Mempengaruhi Gaya Hidup Masyarakat Setempat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2014.
- Vavrek, B. "Wilson Library Bulletin." *Rural Libraries and Community Development*. Vol 69(5) (1995): 42-44. <https://eric.ed.gov/?id=EJ496631>.

PROGRAM BACAAN PANTAS STAF UiTM PUNCAK ALAM: KAJIAN TERHADAP PENCAPAIAN PESERTA

Nurul Diana Jasni

Timbalan Ketua Pustakawan

1Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Selangor

42300, Puncak Alam, Selangor, Malaysia

diana875@uitm.edu.my

Abstrak

Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan dalam memastikan hala tuju pendidikan negara mempunyai garis ukur yang jelas, Kementerian Pendidikan telah mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang Tahun 2030. Perpustakaan Tun Abd Razak UiTM Puncak Alam turut menyokong hasrat tersebut dengan mengadakan pelbagai program Read@Uni bermula Tahun 2018. Salah satu program yang dilaksanakan di Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor adalah melalui program bacaan pantas atau Bengkel speed reading menggunakan 2 modul bacaan pantas yang bersesuaian. Kajian ini akan berkongsi mengenai hasil pencapaian peserta melalui Bengkel *Speed Reading* yang telah dilaksanakan bersama staf di UiTM Cawangan Selangor seramai 35 orang. Antara objektif kajian diantaranya ialah untuk i) mendapatkan hasil maklumat berkaitan peningkatan bacaan peserta sebelum dan selepas pengajaran, ii) untuk mengenal pasti kadar bacaan dan kefahaman peserta, dan iii) untuk mengenal pasti tahap bacaan peserta berdasarkan klasifikasi atau pengelasan bacaan pantas. Masa dan kefahaman peserta diukur dan dikira berdasarkan ujian yang diberikan sepanjang program ini dilaksanakan. Setiap peserta program bacaan pantas ini diberikan tunjuk ajar kaedah bacaan pantas serta latihan-latihan bacaan yang bersesuaian dengan bantuan fasilitator program. Berdasarkan hasil dapatan kajian, ia dapat membantu pihak perpustakaan untuk melakukan penambahbaikan terhadap modul yang telah dibangunkan supaya ia dapat dimanfaatkan oleh warga kerja UiTM. Usaha ini diharapkan dapat memperkukuh dan meningkatkan budaya membaca dalam kalangan warga kerja UiTM serta menyokong hasrat kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbudaya membaca.

Kata kunci: Bacaan Pantas, *Speed Reading*, Budaya membaca, Budaya Ilmu

Pengenalan

Secara amnya, membaca dengan kepantasan yang tinggi membolehkan lebih banyak maklumat diserap dan diproses oleh otak manusia berbanding membaca pada kadar yang biasa. Dalam konteks ini, teknik Bacaan Pantas atau *Speed Reading* adalah satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh setiap individu. Teknik membaca cepat mengutamakan kecepatan membaca dengan tidak mengabaikan pemahamannya. Membaca adalah suatu kemahiran yang diperlukan oleh setiap manusia kerana inilah kunci kepada semua dasar ilmu pengetahuan.

Membaca dengan kelajuan yang cepat membolehkan seseorang menambahkan pengetahuan secara berganda meskipun masa bacaan yang diambil sama seperti biasa. Bacaan pantas merupakan teknik bacaan yang mudah dipelajari serta boleh dipraktikkan melalui latihan yang sistematik.

Bacaan pantas adalah kombinasi kemampuan gerakan mata atau kemampuan visual dengan kemampuan kognitif individu dalam membaca. Proses yang melibatkan kombinasi antara kepantasan membaca dengan pemahaman isi bacaan (Noor Hidayat, Zalifah, Ahmad Faizar, 2019)

Perpustakaan UiTM telah menganjurkan beberapa siri Bengkel Bacaan Pantas semenjak tahun 2018 bersama Encik Yazid dari USIM sebagai penceramah telah dilaksanakan dalam menyediakan Modul Bacaan Pantas yang bersesuaian dengan warga kerja dan pelajar UiTM. Modul ini diharapkan dapat dilaksanakan oleh Pustakawan yang telah dilatih bersama warga kerja dan pelajar UiTM di kampus cawangan. Penganjuran program ini diharap mampu membentuk masyarakat berilmu melalui teknik tumpuan membaca untuk pengetahuan dan pembudayaan amalan membaca.

Pada akhir sesi bengkel bacaan pantas dilaksanakan, peserta dapat:

- Menerangkan definisi konsep bacaan pantas
- Aplikasikan teknik bacaan pantas
- Tingkatkan kadar bacaan pantas
- Elak perkara melambatkan bacaan
- Buat kiraan bacaan pantas

Konsep Bacaan Pantas

Terdapat dua komponen dalam perlakuan membaca iaitu kemahiran mengenal atau mengecap perkataan-perkataan dan kemahiran memahami apa yang dibaca. Aspek yang ditekankan dalam proses membaca ialah aspek kepentingan berfikir, merasai dan membayangkan serta memahami apa yang dibaca. Proses membaca adalah untuk memahami isi, maklumat, penerangan atau mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Seseorang pembaca (contohnya pelajar) akan membawa tujuan, jangkaan dan pengetahuan serta pengalaman lalu kepada apa yang dibaca.

Menurut (Tony Buzan, 2017), beberapa kelebihan bacaan pantas membolehkan :

- Keupayaan membaca secara pantas meningkat dengan berkesan
- Daya fokus dan kefahaman menyeluruh ketika membaca menjadi lebih baik
- Fungsi koordinasi mata dan otak menjadi lebih baik
- Menjimatkan masa pembacaan dan meningkatkan keyakinan diri
- Pelbagai teknik bacaan pantas dapat dikuasai oleh pembaca
- Memperkukuhkan pengetahuan am dan memperbanyakkan penguasaan kosa kata

Selepas beberapa siri Bengkel Bacaan Pantas dilaksanakan bersama Pustakawan yang dilantik sebagai (Instructor Speed Reading Trainer@PTAR), sebanyak dua Modul Bacaan Pantas Perpustakaan UiTM

berjaya disediakan. Sejalan dengan hasrat Kementerian Pendidikan dalam memastikan hala tuju pendidikan negara mempunyai garis ukur yang jelas, Kementerian Pendidikan telah mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang Tahun 2030. Perpustakaan Tun Abd Razak UiTM Puncak Alam turut menyokong hasrat tersebut dengan mengadakan pelbagai program Read@Uni bermula Tahun 2018.



Pada 9 Oktober 2018 Bengkel 'Speed Reading Technique' yang dianjurkan dalam salah satu Program menyokong Read@Uni. Peserta bengkel ini terdiri daripada staf perpustakaan, staf pentadbiran kampus, pensyarah serta pelajar latihan industri.


Sesi ini telah disampaikan oleh Pn Nurul Diana Jasni, Pustakawan Kanan PTAR UCS serta telah dibantu oleh En Mohd Aizat, Puan Siti Fazlina & Puan Norliza sebagai fasilitator bengkel.

Kajian ini akan berkongsi mengenai hasil pencapaian peserta melalui Bengkel Speed Reading yang telah dilaksanakan bersama staf di UiTM Cawangan Selangor seramai 35 orang. Antara objektif kajian ialah untuk:

- i) Mendapatkan hasil maklumat berkaitan peningkatan bacaan peserta sebelum dan selepas pengajaran,
- ii) Mengenal pasti kadar bacaan dan kefahaman peserta
- iii) Mengenal pasti tahap bacaan peserta berdasarkan klasifikasi atau pengelasan bacaan pantas.

Kaedah Pelaksanaan Bacaan Pantas

Salah satu program yang dilaksanakan di Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor adalah melalui program bacaan pantas (*Speed Reading Techniques*) menggunakan 2 modul bacaan pantas serta latihan berikut:



Modul 1: Membina Kefahaman Bacaan Pantas

- Teknik asas bacaan pantas
- Mengira kepantasan bacaan dengan kadar perkataan per minit (PPM)
- Mengelakkan hambatan bacaan

Latihan Bacaan Pantas telah dilaksanakan bagi Modul 1 iaitu seperti berikut:

1. Ujian Bacaan (Pre-Post Test) bagi artikel pendek (218 patah perkataan)
2. Ujian Bacaan (Pre-Post Test) bagi artikel panjang (805 patah perkataan)



Modul 2: Kosa Kata, Skimming & Scanning

- Teknik asas bacaan pantas
- Mengira kepantasan bacaan dengan kadar perkataan per minit (PPM)
- Mengelakkan hambatan bacaan

Latihan Bacaan Pantas telah dilaksanakan bagi Modul 2 iaitu seperti berikut:

1. Latihan 1 : Persepsi Perkataan
2. Latihan 2: Persepsi Nombor
3. Ujian Bacaan (After-Post Test) – Artikel Pendek (233 patah perkataan)
4. Ujian Bacaan (After-Post Test – Artikel Panjang (644 patah perkataan)

Masa dan kefahaman peserta diukur dan dikira berdasarkan latihan yang diberikan sepanjang program ini dilaksanakan dan kiraan menggunakan Jam Randik atas talian (Stop Watch) <http://free-stopwatch.com/>. Setiap peserta program bacaan pantas ini diberikan tunjuk ajar kaedah bacaan pantas serta latihan-latihan bacaan yang bersesuaian dengan bantuan fasilitator program berdasarkan Pelan Pengajaran sebagai panduan.

Klasifikasi Bacaan Pantas oleh Zaini Ujang (1993) menyatakan klasifikasi kadar bacaan ditentukan seperti berikut:

Pembaca	Kelajuan (perkataan seminit)
Lembap	1 - 200
Sederhana	201 - 400
Pantas	401 - 600
Terpantas	601 keatas

Hasil Dapatan Kajian


Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, ia dapat membantu pihak perpustakaan untuk melakukan penambahbaikan terhadap modul yang telah dibangunkan supaya ia dapat dimanfaatkan oleh warga kerja UiTM. Usaha ini diharapkan dapat memperkukuh dan meningkatkan budaya membaca dalam kalangan warga kerja UiTM serta menyokong hasrat kementerian untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang berbudaya membaca.

- **Demografi**

Bengkel ini telah disertai oleh 10 orang staf lelaki dan 25 orang adalah peserta staf wanita. 35 peserta bengkel ini terdiri daripada staf perpustakaan, staf pentadbiran kampus, pensyarah serta melibatkan pelajar latihan industri PTAR Kampus Puncak Alam, UiTM Cawangan Selangor.

- **Pencapaian Peserta bagi Modul 1:**


1. Ujian Bacaan (Pre-Post Test) bagi artikel pendek (218 patah perkataan)



Berdasarkan analisis pencapaian peserta bengkel berikut keseluruhan 35 orang peserta berada di dalam kategori Lembap dengan kadar bacaan pantas di antara 1-200 perkataan seminit. Pencapaian tertinggi adalah pada kadar 189 perkataan seminit manakala yang terendah adalah 71 perkataan seminit.

- **Pencapaian Peserta bagi Modul 1:**


2. Ujian Bacaan (Pre-Post Test) bagi artikel panjang (805 patah perkataan)



Berdasarkan analisis pencapaian peserta bengkel didapati 12 orang peserta berada di dalam kategori Sederhana manakala 23 orang peserta berada dalam kategori Lembap . Pencapaian tertinggi adalah pada kadar 274 perkataan seminit, manakala yang terendah adalah 108 perkataan seminit.

- **Pencapaian Peserta bagi Modul 2:**


1. Ujian Bacaan (After-Post Test) – Artikel Pendek (233 patah perkataan)



Berdasarkan analisis pencapaian peserta bengkel, didapati 2 orang peserta berjaya berada di dalam kategori Terpantas manakala 26 orang peserta berada dalam kategori pantas. Hanya 7 orang peserta berada dalam kategori Sederhana. Pencapaian tertinggi adalah pada kadar 710 perkataan seminit untuk manakala yang terendah adalah 207 perkataan seminit.




- **Pencapaian Peserta bagi Modul 2:**

2. Ujian Bacaan (After-Post Test) – Artikel Panjang (644 patah perkataan)



Berdasarkan analisis pencapaian peserta, didapati 13 orang peserta berada di dalam kategori terpantas, 19 orang peserta berada dalam kategori pantas serta hanya 3 orang peserta berada dalam kategori Sederhana. Pencapaian tertinggi adalah pada kadar 789 perkataan seminit manakala yang terendah adalah 209 perkataan seminit.

Pencapaian Peserta Lelaki dan Peserta Wanita



Berdasarkan analisis pencapaian peserta lelaki dan peserta wanita, dapat disimpulkan beberapa penemuan iaitu:

- i) Mendapatkan hasil maklumat berkaitan peningkatan bacaan peserta lelaki sebelum dan selepas pengajaran, iaitu dengan majoriti peningkatan sebanyak 100%. Tiada peserta yang berada dalam kategori pengelasan Lembap selepas bengkel dilaksanakan.
- ii) Mengenal pasti kadar bacaan dan kefahaman peserta – terdapat peningkatan pencapaian peserta lelaki dan wanita dalam latihan Modul 2 dimana kesemua peserta berada pada tahap terpentas, pantas dan sederhana.
- iii) Mengenal pasti tahap bacaan peserta berdasarkan klasifikasi atau pengelasan bacaan pantas. Melalui latihan Modul 2, berdasarkan analisis di atas, didapati majoriti peserta mencapai kategori Terpentas dan Pantas serta hanya 3 orang peserta sahaja yang berada dalam kategori sederhana selepas bengkel dilaksanakan.

Kesimpulan & Penambahbaikan

Hampir setiap peserta dapat mengikuti pengajaran modul yang telah disampaikan dengan baik. Melalui pengajaran berkenaan, peserta telah menterjemahkan kepantasan bacaan melalui latihan-latihan intensif yang diberikan dengan bantuan fasilitator bengkel. Gabungan ini menetengahkan kejayaan modul yang ternyata telah membantu meningkatkan kadar kepantasan bacaan peserta. Analisis kepada hasil dapatan dan objektif kajian ini telah membolehkan beberapa perkara diberi perhatian khususnya bagi penerapan bacaan pantas kepada warga kerja dan pelajar UiTM.

Di antaranya penambahbaikan yang dapat dilaksanakan oleh peserta selepas menghadiri bengkel ini adalah:

1. Penekanan dan latihan bacaan pantas adalah perlu dilakukan setiap hari oleh peserta
2. Membentuk kumpulan sokongan bacaan pantas
3. Sentiasa merujuk video berkaitan bacaan pantas untuk meningkatkan lagi tahap bacaan
4. Melakukan latihan melalui Speed Reading Test secara atas talian dengan kerap
https://breakingnewsenglish.com/speed_reading.html
5. Menghadiri kursus / bengkel yang dianjurkan berkaitan bacaan pantas
6. Merujuk pelbagai bahan rujukan berkaitan teknik bacaan pantas
7. Melibatkan penyertaan dan kehadiran ke bengkel ini bersama peserta luar dari pelbagai institusi (pelajar sekolah, masyarakat luar, dll)

Rujukan

Bradfield, Bill. *Books and reading; a book of quotations*. New York : Dover Publications, 2002.

Buzan, T. *The speed reading book*. London: BBC Worldwide Limited, 2002.

Mohd Yazid Ahmad @ Abdul Rahman. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 2019.

Muhammad Noer. *Speed Reading for Beginners*. Indonesia: Gramedia, 2012.

Noor Hidayat, Zalifah dan Ahmad Faizar. Universiti Teknologi MARA (UiTM), 2019.

Zaini Ujang. *Membaca: Motivasi & Kaedah*. Kuala Lumpur: ITBM, Malaysia, 2019.

Zaini Ujang. *Motivasi dan Kaedah Membaca*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1993.

OBITUARI

Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba, Pengerusi, Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia (1984-2005)

Dato' Zawiyah Baba
*Mantan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
zawiyah.baba@gmail.com*

Tan Sri Dato' Dr. Rashdan bin Hj. Baba, Pengerusi, Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) (1984 -2005), juga ikon pendidikan tinggi dan tokoh korporat Malaysia telah kembali ke rahmatullah pada 30 Mac 2020 di Hospital Ampang Putri, Kuala Lumpur, pada usia 84 tahun. Beliau dimasukkan ke hospital beberapa minggu sebelum itu, dan meninggal akibat komplikasi jangkitan paru-paru. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak Pandemik Covid-19 sedang berkuatkuasa waktu itu dan pelawat tidak dibenarkan menziarah semasa beliau sakit. Berita mengenai kematian beliau diterima dengan penuh sedih dan pilu. Namun sebelum PKP dan sebelum terlalu uzur, Tan Sri sering dikunjungi pelawat dari warga institusi dan organisasi yang pernah beliau terlibat yang masih mengenangi beliau untuk bertanya khabar dan meminta nasihat serta pandangan beliau.

Latar belakang yang sangat mementingkan kebahagiaan keluarga, kehilangan beliau semestinya sangat dirasai oleh anak tunggalnya, Datin Dr. Rasyida, menantunya Dato' Dr. Mohamed Ezani Mohd. Taib and tiga orang anak mereka, seorang perempuan dan dua lelaki yang menjadi cucu kesayangan Allahyarham Tan Sri Rashdan dan Allahyarhamah isterinya Puan Sri Robiah Abdul Majid. Allahyarhamah Puan Sri, yang digelar isteri mithali dalam biografi Tan Sri Rashdan, pernah berkhidmat sebagai pustakawan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, telah kembali ke Rahmatullah beberapa tahun terdahulu.

Tan Sri Rashdan dilahirkan di Kampung Berkat Chembong, Rembau, Negeri Sembilan pada 31 October 1935. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Chembong dan meneruskan pendidikan sekolah menengah di Government English School, Tampin. Mendapat gred satu dalam peperiksaan Senior Cambridge, beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Pertanian Serdang, Selangor. Berbekalkan Diploma Pertanian, Tan Sri melanjutkan pelajaran di University of Reading, U.K. dan memperoleh ijazah B.Sc. (Hons.) dalam bidang Sains Pertanian pada tahun 1960. Meneruskan pengajiannya di peringkat ijazah kedoktoran di University of Leeds, beliau berjaya mendapat ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Pertanian pada tahun 1964 pada usia 29 tahun.

Kerjaya Tan Sri Rashdan memulakan kerjayanya pada tahun 1957 sebagai Pembantu Pertanian di Jabatan Pertanian Rembau. Selepas tamat pengajiannya di U.K., beliau berkhidmat sebagai Ahli Agronomi di Pusat Percubaan Pertanian Persekutuan. Pada tahun 1965, bermulalah kerjayanya dalam bidang akademik apabila dilantik sebagai Pengetua Kolej Pertanian Malaysia. Pada tahun 1969 dilantik sebagai Naib-Canselor dan bertanggungjawab dalam penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 1971 beliau ditukarkan semula ke Kolej Pertanian Malaysia yang telah dinaik taraf kepada Universiti Pertanian Malaysia, sebagai Naib Canselor sehingga tahun 1982.

Pada tahun 1982, beliau mula terlibat dalam dunia korporat dengan pelantikan sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad, sebuah konglomerat peladangan. Kemudian pada tahun 1987 diberi cabaran baharu dengan pelantikan sebagai Pengerusi Eksekutif, Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Hubungan beliau dengan dunia akademik diberi kesinambungan pada tahun yang sama iaitu dengan pelantikan sebagai Pengerusi, Majlis UKM. Pada tahun 1999 pula dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UKM. Terdahulu pada 1974, beliau telah dianugerahkan darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran 'Tan Sri' dan seterusnya pelbagai bentuk penghargaan diterimanya termasuklah darjah kebesaran, Ijazah Kedoktoran Kehormat dan pengiktirafan termasuk dinobatkan sebagai Tokoh Cemerlang CEO 1995 dan Tokoh Akademik Negara 2013.

Pengerusi Lembaga Penasihat, Perpustakaan Negara Malaysia

Tan Sri Rashdan telah dilantik Pengerusi, Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 1984. Beliau dianggap sebagai tokoh paling sesuai untuk menjadi Pengerusi berdasarkan latar belakang beliau yang unik sebagai tokoh akademik dan korporat yang terkenal dengan tabiat rajin membaca. Dengan pelantikan beliau, Lembaga Penasihat PNM telah dapat diaktifkan dengan mengadakan mesyuarat dua kali setahun mulai tahun 1984 sehingga 2005. Beliau merupakan Pengerusi yang paling lama memegang jawatan tersebut iaitu selama 20 tahun.

Beliau menjadi Pengerusi Lembaga Penasihat PNM dalam tempoh perkhidmatan empat orang Ketua Pengarah Perpustakaan Negara iaitu Dr.DEK Wijasuriya (1984-1989), Datin Mariam Abdul Kadir (1990-1999), Hjh Shahar Banun Jaafar (1999 – 2001) dan Dato' Zawiyah Baba (2001 – 2005). Beliau telah menyaksikan projek-projek penting termasuklah pembinaan bangunan PNM dari mula dibina hingga siap dan beroperasi, pelancaran kemudahan internet di PNM dan katalog berkomputer, pelancaran portal Yang Di Pertuan Agong, Pelancaran Kempen-kempen Membaca Kebangsaan; pembinaan perpustakaan desa; perpustakaan bergerak berinternet atau e-Pustaka; dan lain-lain projek dalam pembangunan perpustakaan. Dalam kesemua majlis pelancaran ini warga PNM merasa amat bangga dan beruntung kerana sentiasa mendapat sokongan dan kehadirannya.

Beliau amat komited dan perihatin kepada kemajuan dan pembangunan Perpustakaan Negara. Beliau sedia meluangkan masa untuk mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan menghadiri majlis-majlis penting perpustakaan. Memahami peranan Lembaga Penasihat, Tan Sri tidak pernah mendesak atau mengarah PNM untuk melaksanakan idea atau cadangan beliau sendiri. Sebaliknya beliau lebih cenderung mendengar pandangan dan pendapat ahli Lembaga dan pengurusan PNM sebelum membuat sebarang keputusan. Kerajinan dan ketelitian beliau membaca setiap kertas kerja yang dibentangkan membolehkan beliau memahami hasrat PNM dan memberi pandangan dan nasihat yang relevan dan bermanfaat yang amat dihargai pengurusan tertinggi PNM.

Sempena tahun ke-20 beliau menjadi Pengerusi Lembaga Penasihat PNM, satu majlis khas meraikannya telah diadakan oleh PNM. Sebuah penerbitan khas berjudul Sekilas Pandang, Sejuta Kenangan juga diterbitkan pada tahun 2004. Terlebih dahulu UKM telah menerbitkan biografi khas dalam bentuk buku mewah dan juga ekonomi yang menceritakan dengan terperinci kisah hidup serta pencapaian Tan Sri Rashdan. Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM pula telah mengumpul dan menerbitkan ucapan-ucapannya sebagai Naib Canselor dan Pengerusi Lembaga Pengurusan UKM dalam bentuk CD-ROM. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM juga telah mengumpul maklumat biografi dan penerbitan Tan Sri Rashdan sebagai salah seorang tokoh pemikir Alam Melayu. Kisah hidup dan pencapaian beliau juga turut dijadikan bahan kajian oleh pelajar peringkat ijazah institusi pengajian tinggi.

Dato' Zawiyah Baba' mantan Ketua Pengarah PNM pernah beliau ketika menjalankan penyelidikan ijazah kedoktoran di University of Wales, Aberystwyth. Transkrip temubual mengenai "Apakah yang menjadikan

Perpustakaan Negara sebuah organisasi berkesan? (What makes the National Library an effective organisation?) telah diterbitkan dalam buku 'sekilas pandang, sejuta kenangan. Dalam temubual tersebut, beliau telah memberi pandangannya tentang keberkesanan Perpustakaan Negara sebagai organisasi dan perkara-perkara yang mempengaruhi keberkesanannya. Banyak ilmu yang boleh ditimba dan dijadikan pedoman dari pandangan dan cadangannya sebagai tokoh akademik dan korporat yang terkemuka.

Sumbangannya terhadap perpustakaan dalam negara turut dihargai dan diiktiraf oleh Persatuan Pustakawan Malaysia (PNM). Sempena sambutan Jubli Emas iaitu ulang tahun ke-50 PPM pada tahun 2005, beliau telah dianugerahkan Ahli Kehormat PNM atas jasa dan sumbangan kepada pembangunan perpustakaan di Malaysia.

Walaupun tahap kesihatannya semakin terjejas ketika usia meningkat 70an, namun beliau sentiasa perihatin dan berminat dengan perkembangan semasa serta berusaha sedaya upaya untuk memenuhi undangan ke majlis akademik, amal, perniagaan mahu pun sosial. Datin Paduka Shuhaimi Baba seorang pengarah terkenal teringat akan minat dan keperihatinan Tan Sri dalam perkembangan teknologi digital di mana pertanyaan dan idea-ideanya yang kerap dikemukakan mengenai tahap penggunaan teknologi digital dalam industri seni kreatif dan filem tempatan. Sebagai peminat tegar muzik klasik pula, beliau sentiasa mengikuti program persembahan orkestra antarabangsa dan tempatan di Dewan Filhamonik Petronas. Beliau pernah menzahirkan rasa kekecewaan apabila keadaan fizikalnya tidak mengizinkan penghayatan aktiviti kegemaran termasuk membaca dan menyaksikan persembahan orkestra muzik klasik.

Y.B Datuk Mastura Mohd. Yazid, ahli Parlimen Kuala Kangsar, yang juga anak saudara allahyarham Tan Sri Rashdan mengingati bapa saudaranya yang tersayang sebagai "Seorang anak Rembau yang banyak berjasa kepada agama, bangsa dan negara. Seorang pejuang Melayu Aliff, Ba, Ta yang bijak, cekal dan kuat bekerja." Prof. Tan Sri Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia menyampaikan penghargaan seluruh warga UKM kepada allahyarham Tan Sri pada 16 Mei 2017 dalam bentuk plak yang terukir sanjungan mereka buat Tan Sri Rashdan yang sebahagiannya berbunyi "Mohd. Rashdan antara tokoh pendukung dan penggerak penubuhan UKM yang memiliki semangat, wawasan, iltizam yang jelas serta dinamis dan kesanggupannya menggalas misi tuntutan rakyat bagi memastikan kelangsungan sebagai bahasa ilmu tinggi terus subur dan mekar di UKM."

Tan Sri Haji Amrin bin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia sempena majlis menghargai tahun ke-20 Tan Sri Mohd. Rashdan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah PNM pada tahun 2004 berkata "Dalam keadaan dunia yang penuh persaingan dan serba materialistik, keadaan ini jarang berlaku oleh kerana terlalu sukar untuk kita mendapatkan seorang yang berkedudukan tinggi dan amat terlibat dalam dunia korporat untuk meluangkan masa bagi memperjuangkan kepentingan rakyat. Sesungguhnya YBhg Tan Sri Mohd. Rashdan adalah sebutir permata yang tidak perlu digilap untuk menampakkan cahayanya. Bak sebatang lilin, Y.Bhg. Tan Sri menerangi pesada ilmu di negara kita dengan sifat mulia beliau yang sukar ditandingi. Hanya Allah sahaja yang akan membalas jasa-jasa tersebut."

Semoga roh Allahyarham Tan Sri Dato' Dr. Rashdan bin Haji Baba sentiasa dalam rahmat Allah SWT dan di tempatkan bersama para solihin. Al-fatimah.

PEMAPARAN DIALEK SUKU KAUM JAKUN MELALUI PROGRAM RENOVASI PUSAT SUMBER SK KAMPONG BAHARU, LENGA, JOHOR

Mohamad Suhaizi Suhaimi

Pensyarah Kanan,

Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Pagoh

msuhaizi@iium.edu.my

Mohamad Yusrizal Mohamad Noor

Nurul Najihah Abdullah Thani

Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Pagoh

yusrizal.noor@live.iium.edu.my

najihah.at@live.iium.edu.my

Abstrak

Artikel ini dihasilkan bertujuan membuat satu perkongsian mengenai projek *Flagship Tirkah Rimba* yang dijalankan di Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Kampong Baharu, Lenga, Johor. Melalui pemaparan gegantung (bunting) dengan tajuk “Kenali Dialek Suku Kaum Jakun” ini dilihat dapat menyumbang kepada kelestarian dialek tersebut ke arah yang lebih mampan. Justeru, pusat sumber dipilih untuk dijadikan lokasi pemaparan gegantung supaya semua murid khususnya murid bukan orang asal dapat mengenali dialek suku kaum Jakun. Hal ini mampu meningkatkan jumlah kunjungan para murid ke pusat sumber berikutan penambahan bahan bacaan selain dalam bentuk buku. Sebanyak 16 perkataan dialek yang dipaparkan pada gegantung tersebut yang merangkumi perbuatan, haiwan, anggota tubuh badan dan sebagainya.

Kata kunci: Gegantung, dialek, orang asal, suku kaum Jakun, Lenga

Pengenalan

Sekolah Kebangsaan Kampong Baharu terletak di Kampung Melayu Batu 28, Lenga di daerah Muar, Johor merupakan sebuah sekolah yang menerima Watikah Pelantikan mengikuti Program Transformasi Sekolah TS25 Kohort 6 Tahun 2021. Sehingga tahun 2021, seramai 126 orang murid yang mewakili 67 orang murid lelaki dan 59 orang murid perempuan termasuk murid prasekolah serta pendidikan khas. Sekolah yang dibina pada 13 Jun 1954 ini menempatkan 24 orang murid dalam kalangan orang asal suku kaum Jakun. Hal ini menunjukkan bahawa wujudnya perpaduan antara masyarakat orang asal dengan penduduk sekitar. Menurut Nur Ayuni Nusaibah Husin dan Amir Hasan Dawi (2019), sekolah ialah salah satu tempat pengintegrasian pelajar khususnya pelajar berlainan etnik dan budaya serta berfungsi sebagai pusat menimba ilmu pengetahuan.

Menerusi Program Transformasi Sekolah TS25 Kohort 6 Tahun 2021, pelbagai perubahan dan inisiatif yang telah dijalankan oleh warga SK Kampong Baharu yang meliputi Program Guru Cilik, Kajian Lapangan Penyelidikan Literasi dan Renovasi Pusat Sumber. Pusat Sumber merupakan lokasi yang menempatkan bahan bacaan yang pelbagai dan menjadi salah satu kemudahan yang disediakan di kebanyakan sekolah. Menurut Saidatul Akmar Ismail, Halida Yu dan Hairani Wahab (2015), pusat sumber sekolah merujuk kepada suatu tempat yang menyimpan bahan bacaan sama ada bercetak atau bukan bercetak, menawarkan perkhidmatan yang membolehkan pengguna mengakses maklumat yang diingini dengan tujuan pengajaran dan pembelajaran atau peribadi agar menghasilkan perubahan kepada afektif dan kognitif pengguna maklumat.



Gambar 1: Sebelum




Gambar 2: Selepas

Gambar 1 menunjukkan keadaan pusat sumber di SK Kampong Baharu, Lenga sebelum proses transformasi dilakukan, manakala Gambar 2 pula menunjukkan keadaan terkini pusat sumber sekolah berkenaan. Penambahan permaidani, rak buku, susunan buku yang lebih teratur dan penggantian corak kertas dinding yang terkini dilihat antara beberapa perubahan yang dilakukan melalui Program Renovasi Pusat Sumber. Hal tersebut berkait rapat dengan konsep terapeutik landskap perpustakaan yang merujuk kepada jenis perkhidmatan sumber maklumat, ruang dan kemudahan di pusat sumber. Idea landskap terapi tersebut bertujuan untuk menerangkan hubungan antara tempat dan peningkatan kesihatan mental (Haslinda Husaini, 2020). Berdasarkan persekitaran baharu tersebut, para murid akan lebih cenderung untuk mengunjungi pusat sumber bagi mendapatkan bahan ilmiah dan meluangkan masa untuk membaca buku. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan oleh Andang Andaiyani Ahmad dan Abdul Said Ambotang (2020) yang menyatakan bahawa persekitaran sekolah yang berkesan mampu membantu murid berasa tenang dalam proses pembelajaran.

Pemaparan gegantung “Kenali Dialek Suku kaum Jakun” merupakan salah satu inisiatif untuk pembangunan persekitaran yang menarik bagi SK Kampong Baharu. Melalui pemaparan tersebut, murid yang bukan orang asal turut mengenali dialek suku kaum Jakun berikutan terdapat murid orang asal di sekolah tersebut. Hal tersebut mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif disebabkan pemahaman terhadap dialek antara murid membina perpaduan. Menurut Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Muhammad Zaid Daud (2018) menyatakan salah satu kepentingan penggunaan dialek adalah mampu membentuk hubungan antara penutur supaya lebih erat, tenang dan menarik apabila mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Oleh itu, apabila murid yang bukan orang asal menuturkan dialek suku kaum Jakun kepada murid orang asal dapat berinteraksi dengan mudah dan mengurangkan situasi yang janggal serta menambahkan keselesaan ketika berkomunikasi antara satu sama lain.

Justeru, pada 25 April 2021 pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh di bawah projek *Flagship Tirkah Rimba* telah menyerahkan dua gegantung sebagai daya tarikan para murid untuk berkunjung ke pusat sumber sekolah tersebut. Sebelum itu, wakil daripada projek *Flagship Tirkah Rimba* telah berhubung dengan guru besar sekolah, iaitu Puan Norhaimi binti Said untuk membincangkan reka bentuk dan maklumat dalam gegantung tersebut. Hasil perbincangan tersebut telah mencapai kata sepakat, iaitu mencerikan pusat sumber dengan meletakkan gegantung yang mengandungi perkataan Suku Kaum Jakun yang berlainan daripada bahasa Melayu standard. Berikut merupakan gegantung yang telah diserahkan kepada pihak sekolah.



Gambar 3: Gegantung “Kenali Dialek Suku Kaum Jakun”

Gambar 3, menunjukkan senarai dialek suku kaum Jakun sebanyak 16 perkataan yang dilihat berbeza dengan bahasa Melayu standard. Perkataan-perkataan tersebut dikelompokkan dalam beberapa kategori. Antaranya ialah perbuatan, haiwan, anggota tubuh badan dan sebagainya. Kandungan gegantung terdiri daripada bahasa Melayu standard, dialek suku kaum Jakun dan tulisan fonetik. Selain itu, pemilihan ilustrasi dan grafik lebih bersifat ceria dan berbentuk animasi memandangkan murid sekolah tersebut terdiri daripada peringkat usia kanak-kanak. Berikut merupakan sesi penyerahan gegantung kepada pihak sekolah bersama Guru Besar SK Kampong Baharu, Puan Norhaimi binti Said dan Penolong Guru Besar Hal Ehwal Murid (HEM), Encik Amir bin Buang.



Gambar 4: Sesi penyerahan gegantung

Projek Flagship Tirkah Rimba

University Management Committee (UMC) di bawah Office For Strategy and Institutional Change, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah meluluskan sebuah projek *Flagship* yang bernama Tirkah Rimba bermula dari 2 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022 yang diketuai oleh Dr. Mohamad Suhaizi bin Suhaimi, pensyarah Jabatan Bahasa Melayu UIAM Pagoh. Tirkah Rimba memfokuskan kajian berbentuk budaya, bahasa dan pelancongan komuniti orang asal yang berada di negeri Johor. Projek ini bertujuan untuk menjalankan penyelidikan silang disiplin yang menyatukan beberapa aspek orang asal merangkumi budaya, bahasa, pemeliharaan dan pemuliharaan tradisi mereka terutama bagi generasi akan datang. Pada fasa pertama, projek ini tertumpu kepada kawasan di daerah Muar yang melibatkan lebih kurang 59 perkampungan orang asal di Johor.

Projek *Flagship Tirkah Rimba* menyasarkan empat objektif utama yang memberi tumpuan kepada orang asal di negeri Johor. Empat objektif tersebut ialah:

- i) Menyediakan perancangan strategik mengenai bahasa, budaya dan pelancongan supaya dapat membantu komuniti orang asal.
- ii) Memperkasakan orang asal melalui penglibatan mereka dalam pelancongan, perniagaan dan aktiviti-aktiviti pemeliharaan budaya.
- iii) Mengintegrasikan pelbagai bentuk disiplin ilmu termasuk antropologi, kebudayaan, bahasa dan pemeliharaan serta pemuliharaan tradisi orang asal demi generasi akan datang.
- iv) Mengeratkan tautan sosial dan membina modal sosial orang asal dengan cara menghubungkan bahasa, budaya dan pelancongan.



Gambar 5: Logo Tirkah Rimba

Projek ini dimulakan dengan membuat kajian lapangan di Kampung Sentosa, Lenga, Muar, Johor yang terdiri daripada suku kaum Jakun. Hasil tinjauan awal mendapati sebanyak 187 orang penduduk di kampung tersebut, iaitu 80 orang lelaki dan 107 orang perempuan. Antara pekerjaan yang dilakukan oleh mereka untuk kelangsungan hidup adalah mengutip hasil hutan, menangkap hasil sungai dan kelindan lori bagi golongan muda.

Murid orang asal Kampung Sentosa menjalani pendidikan peringkat rendah di beberapa buah sekolah sekitar, antaranya Sekolah Kebangsaan Kampong Baharu, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Renchong dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pei Chai. Pemilihan pusat sumber SK Kampong Baharu sebagai lokasi pemaparan gegantung disebabkan bilangan murid orang asal lebih ramai di sekolah tersebut berbanding sekolah-sekolah yang lain. Murid sekolah tersebut juga didapati menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di sekolah sejajar dengan fokus projek *Flagship Tirkah Rimba* ini.

Maklum Balas Pihak Sekolah

Sesi penyerahan gegantung tersebut bermula jam 9.30 pagi melalui perjumpaan di Bilik Gerakan SK Kampong Baharu disertai warga sekolah dan wakil dari UIAM, Kampus Pagoh. Guru besar sekolah berbesar hati menerima kunjungan pihak UIAM, Kampus Pagoh yang dilihat mampu menambah keceriaan dan meningkatkan ilmu pengetahuan para pengunjung ke pusat sumber sekolah. Sesi seterusnya dimulakan dengan perbincangan dan penerangan mengenai penyerahan gegantung iaitu dapat mengenali dialek suku kaum Jakun dalam bentuk yang menarik dan mudah dibaca.

Justeru, pihak sekolah dapat memanfaatkan penyerahan gegantung tersebut sebagai pembangunan sahsiah dan intelektual para murid. Menurut Adu-Febiri (2011), faktor kemanusiaan menjadi semakin penting dalam pendidikan terutamanya dalam perkembangan emosi, moral dan spiritual di dalam kelas. Selian itu, pembelajaran sosial adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam proses membentuk sahsiah dan intelektual para pelajar. Penekanan kepada persoalan nilai-nilai mumi dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu diberi perhatian agar dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari pelbagai aspek (Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhru Adabi Abdul Kadir, 2020).



Gambar 6: Sesi perjumpaan Bilik Gerakan

Maklum balas positif diterima daripada pihak sekolah atas inisiatif yang dilakukan oleh pihak UIAM, Kampus Pagoh ini. Hal tersebut sejajar dengan Program Transformasi Sekolah TS25 Kohort 6 Tahun 2021 berikutan pusat sumber sekolah yang masih dalam proses penambahbaikan dilihat selari dengan penyerahan gegantung tersebut. Encik Amir bin Buang selaku Penolong Guru Besar HEM menyatakan bahawa:

“Banner-banner yang dihadiahkan hasil daripada setiap unit (Projek Flagship Tirkah Rimba) sebagai satu informasi yang amat berharga, terutamanya untuk anak-anak (orang) asli. Jadi anak-anak (orang) asli yang selama ini berasa jauh dengan masyarakat akan rasa lebih dekat dan dihargai.”

Cadangan Program Akan Datang

Rentetan penyerahan gegantung “Kenali Dialek Suku Kaum Jakun” tersebut, beberapa cadangan dan program yang bakal dirangka bagi menambah keceriaan dan kemudahan kepada pengunjung pusat sumber sekolah. Tambahan pula, corak yang mempengaruhi persekitaran pembelajaran merangkumi pembinaan tapak, membina ruang pendidikan, berkongsi sekolah dan kemudahan komuniti yang berkaitan dengan semua ruang sama ada persekitaran dalaman atau persekitaran luaran (Tanner dan Lackney, 2006). Antara cadangan yang diketengahkan adalah menghantar sukarelawan dari UIAM, Kampus Pagoh untuk mengemas kini rak buku yang terdapat di pusat sumber tersebut mengikut seksyen agar lebih tersusun dan mudah diakses. Selain itu, bahan bacaan mengenai orang asal turut disumbangkan kepada pusat sumber sekolah supaya para murid yang terdiri daripada orang asal dan bukan orang asal boleh bersama mengenali budaya antara satu sama lain.

Penghasilan mural yang bercorak kartun dan berwarna warni menajadi antara cadangan program pihak UIAM, Kampus Pagoh pada masa akan datang. Mural bercorak kartun tersebut dilihat sesuai dengan umur para murid sekolah rendah yang mengemari watak-watak animasi serta meningkatkan keupayaan berfikir secara kreatif. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Humaizah Hashim (2012), iaitu bahan kartun dan karikatur dapat digunakan bagi mempertajam lagi daya kreativiti dan imaginasi para murid.

Justeru, pihak pengurusan sekolah perlu memainkan peranan dalam menjayakan Program Transformasi Sekolah TS25 Kohort 6 Tahun 2021 dengan menyediakan keselesaan dan kemudahan para murid. Pengurusan yang baik diperlukan agar ruang tersebut dapat menyediakan peluang untuk penerokaan bagi menyokong pelbagai aktiviti pembelajaran dan yang dijalankan secara optimum (Chatterjee, 2005). Walaupun dunia berdepan dengan wabak pandemik Covid-19, usaha semua pihak diperlukan dalam melestarikan pembangunan sekolah terutamanya lokasi tumpuan murid iaitu pusat sumber.

Cadangan Program Akan Datang

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. "Persepsi Guru terhadap Penggunaan Kartun dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)*. 2.1 (2012): 129-140.
- Adu-Febiri, F. "Inviting emotions, morals and spirit into our classrooms: A sociological perspective on the human factor model of education." *Review of Human Factor Studies*. 17.1 (2011): 40-89.
- Andang Andaiyani Ahmad & Abdul Said Ambotang. "Gaya pembelajaran dan persekitaran sekolah serta perkaitannya dengan kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah luar bandar." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5.5 (2020): 141-148.
- Chatterjee, S. "Children's friendship with place: A conceptual inquiry." *Children, Youth and Environments*. 15.1 (2005): 1-26.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. "Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam." *e-Bangi*. 17 (9), 75-89.
- Haslinda Husaini. "Berita PPM." *Konsep terapeutik di dalam landskap perpustakaan*. 24 Jun 2020, <https://beritappm.wordpress.com/2020/06/24/konsep-terapeutik-di-dalam-landskap-perpustakaan/>
- Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Muhammad Zaid Daud. "Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak." *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*. 3.3, 11-21.
- Nur Ayuni Nusaibah Husin & Amir Hasan Dawi. "Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar." *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. 12 (2019): 18-28.
- Saidatul Akmar Ismail, Halida Yu dan Hairani Wahab. "Pusat Sumber dan Sekolah: Satu Jalinan Bersepadu." *Jurnal Sekitar Perpustakaan*. 43, (2015): 15-31.
- Tanner, C. K., and Lackney, J. A. *Educational facilities planning: Leadership, Architecture and Management*. Pearson Education, 2006.

DAR al HIKMAH LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT PROJECT : FACILITATING ACCESS TO SCHOOL RESOURCE CENTRE

Siti Hawa Darus

*International Islamic University of Malaysia Library
53100 Kuala Lumpur
hawa@iium.edu.my*

Fadzilah Abdullah

*International Islamic University of Malaysia Library
53100 Kuala Lumpur
fadzilaha@iium.edu.my*

Ahmad Zaki Rashid

*International Islamic University of Malaysia Library
53100 Kuala Lumpur
zakirash@iium.edu.my*

Sarifah Abdullah

*International Islamic University of Malaysia Library
53100 Kuala Lumpur
sarifahabd20@gmail.com*

Abstrak

IIUM has revisited its strategic plan in late 2018 which was designed based the strategic direction of Humanizing Education through Maqasid Shariah and United Nations Sustainable Development Goals (SDG). Due to this, the Dar al-Hikmah Library has to aligned its strategic planning as well. One of the strategic objective is Specialized Community Engagement (BUDI) of which one of the initiative is Outreach Programmes/ Projects/Activities for Surrounding and External Communities. As the Library is having an expert and skills in managing information and libraries, we would like to share and help communities' libraries to manage their libraries or resource centers. In April 2019, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati (SMKTM) had requested IIUM Library to help them in setting new library management system. This initiative support SDG 4 (Quality Education) and SDG 17 (Partnerships of the Goals).

A School Resource Center plays a very important role in inculcating students with information-seeking skills in the learning process in line with the government's direction to create a knowledgeable, literate and lifelong learning community. Therefore, a fast and efficient library system containing acquisition, cataloging, circulation, membership records, online information search (OPAC) and statistical reporting is required to effectively manage

the school resource centers. This paper presents the community engagement service activity done by the IIUM Dar al-Hikmah Library at Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati (SMKTM), Kuala Lumpur.

With the intention of sharing knowledge and expertise, the IIUM Dar al Hamah Library Community Service Committee has helped develop a library system by using KOHA, an integrated library system (ILS) for the school's resource center to facilitate reading habits and learning processes of the school community. It describes the steps taken in developing the KOHA system such as forming a Library Community Service committee, conduct meetings and briefings to the school's management, prepare system specifications and tools, set up a server, install KOHA system, set up system parameters, customize OPAC interface, conduct training sessions, data entry (books and membership records), testing and commissioning the system before launching it to the school community. The article also discusses the timeline, budget constraint, computer equipment requirements and some obstacles and challenges faced during the implementation of this activity. The positive impacts on the implementation of KOHA system at the school resource center are explained such as the effective management of the collection, easy access to bibliographic records; fast retrieval of information resources, efficient delivery of services, development of new skills among the school library prefects and availability of 24/7 online access at anywhere and anytime by using IT gadgets. The paper concludes that efforts done through the community engagement activity is able to provide new library skills and encourage reading habits among to the school's community. Therefore, several proposals for implementing the KOHA ILS and further enhancing cooperation and networking to other schools' resource centers in the Gombak district have been outlined.

KEYWORDS: Community service activity, School Resource Center, KOHA system, reading habits, SMK Taman Melawati, Sustainable Development Goals, SDG, IIUM, Dar al-Hikmah Library, Humanizing education, Maqasid Shariah

Introduction

A school resource centre (SRC) collection provides information, inculcates ideas, and develops knowledge that is so essential to functioning successfully in today's information and knowledge based society. Here are the places where information and reading materials are collected, arranged and put into services. The possibilities of accessing these materials have a significant impact in gaining reading pleasure and habit among the school's community. One of the most effective ways to gain reading habits is to provide easy access to SRC's collection and its services. When students are able to reach the information they need easily, they can be becoming a skilled and adaptable reader enhances the chances of success at school and beyond. (Awoyemi & Yusuf, 2016).

SMKTM's Resource Centre has a total collection of 15,000 volumes of books, magazines and audio visual materials. It is managed by a SRC teacher and assisted by 15 SRC prefects. In order to ensure effective use, the quality of services in the SRC has to be improved. Previously, the SRC operations such as cataloging, membership records registration, borrowing and searching of reading materials were done manually due to discontinued services of the previous system implemented. As a result of developing of KOHA Integrated Library System (ILS), a great change has been taken place in the SRC management system which lead to transformation in the area of information processing, storage and retrieval. Thus the SRC is able to offer better services to the school's community.

It was achieved with the assistance of the Dar al Hikmah Library Community Engagement committee throughout the year of 2019. The committee has shared their skills and expertise in developing a Library

Management System by using KOHA ILS to replace the old system so that the SRC can be operated efficiently, effectively and professionally. Thus, it is supporting one of the IIUM SDG programs i.e. SDG 4 (Quality Education).

Below are the team members from Dar al Hikmah Library who were involved in the Community Engagement Project:

No.	Name	Position
1.	Sarifah Abdullah	Advisor
2.	Mdm. Siti Hawa bt. Darus	Coordinator, LCE Committee
3.	Ahmad Zaki Rashid	Project Manager
4.	Siti Aidah bt. Rabingan	Functional Committee
5.	Fadzilah bt. Abdullah	Technical Committee
6.	Juhari Md. Daud	Technical Committee
7.	Zuliana bt. Zubir	Technical Committee
8.	Mohamad Nor Azwan Bin Mamat	Technical Committee
9.	Mohd Nazri Mahwan	Technical Committee
10.	Khyronesa bt. Abdul Karim	Secretary



Image 1: Dar al Hikmah Library Community Engagement Committee

Besides, the project was also assisted by a Senior Library Assistants and nine (9) Library Assistants in training and guiding the fifteen (15) SRC prefects to key in the bibliographic and membership records for the KOHA ILS.

Objectives

There are five (5) objectives of the development of the KOHA ILS at SMKTM's resource centre. Firstly, to create a systematic Bibliographic records consisting complete cataloging details such as author, title, call number, publication date, location, edition, etc. to allow easy and quick searches to find the reading materials from the shelves. Links to other materials via subject headings and authors enable the students to go to other items of interest with one or two clicks of the mouse. Searches can be sorted instantly by author's names, titles, copyright year and other ways with a single mouse click. Secondly, to provide membership and loans services by monitoring the borrowers, library materials and their transaction records effectively. The SRC can circulate items with ease and have an accurate account for each student's loans activities. Thirdly, to provide Online Public Access Catalogue (OPAC) 24/7 at anytime and anywhere. Hosting the library to the Web, for access wherever teachers, students and parents have access to a Web browser, is a wonderful benefit that occurs for beyond the SRC's walls. Fourthly, to systematically organize books on the shelves for easy retrieval. Finally, to develop new skills for the SRC prefects in managing their collection and its services.

System Development and Implementation

Before adopting a library system, it is important for IIUM Dar al Hikmah Library to understand SMKTM needs in order to run their library operation hence a series of meetings and visit were held to learn this requirement needs. We learned that the SRC has already automated their resource centre before but the maintenance of the system was discontinued. Due to this, the SRC has no longer used the system and revert to manual system. From the visits, we can see that some of the books were already catalogued and users' account are also already available in the system. When we learned this scenario, our initial approach is to re-use all available resources in the system and move it into a new system architecture such as item and patron information. If this information can be successfully migrated into the new system, the SRC can save time and resources to re-input the data into the new system. We estimated the data to be about 15,000 records of material and 2000 records of users.

This is then where our first challenge begins. The SRC was not given administration access to the system. No manual documentation was found on this accord and the current and previous SRC teachers did not have any knowledge on how to get the access or contact their previous vendor. The contact information was outdated and the website is no longer active. It is up to our technical team then to crack the system security so that data in the system can be retrieved. After many attempts, the effort was futile. Some data were corrupted and most data cannot be retrieved from the old system.

After discussion with the School's management, we then have to resort with whatever available option to tackle the situation. Manual inputting of each record and user will need to be done instead. This endeavour, though sounded laborious, serves a very positive impact and great experience to the School's community. The old system holds records which are not updated for quite some times. The record in the system may show 15,000 records, but some are duplicates and some are not available physically on the shelves. Migration of these outdated information to a new system would mean a major clean-up post processing are required in order to filter the unwanted information and this is a gruelling step. Thus, manual inputting is an ideal solution.



Image 2: Some books on the shelves are properly catalogued while some are not. A fresh start would overcome this issues.

With this scenario we propose to the SRC to have a clean start. This way, not only the records are updated, clean and correct, the SRC teacher and its SRC prefects can learn from the scratch on how to manage their collection using automated system. This seems a very fruitful opportunity at both ends. This Community Engagement project after all is to expose the SRC prefects with the world of library and information sciences. With that in mind, we start to engage the plan based on the requirement the school's needs.

To automate the SRC operation and its services, the school will need to ready its related IT facilities and infrastructure. This includes hardware and software readiness such as network, a library system, personal computer (PC), server, printer, scanner and etc. The SRC teacher and their prefects also need to be equipped with the basic knowledge on how to operate these is also essential.

Before engaging to the new Library Management System, the first phase is to get ready its IT facilities. The SRC already has a several PCs for SRC staff and its users but these PCs need to be upgraded. To run a library system requires a higher end specification for stability, efficiency and security.



Image 3: SMKTM Resource Centre has basic IT infrastructure to run its operation online. Minor upgrade is necessary to get better speed and optimum performance.

We propose to replace the existing server by purchasing a new, better specification PC which will work as a server workstation along other equipment such as scanners, printers and etc. Other existing facilities in the SRC is still good for use.

Table 1: Budget acquisition for IT infrastructure

Item	Quantity	Price (RM)
Computer (server)	1	600
Printer (receipt)	1	400
Printer (laser jet)	1	400
Scanner (QR code)	2	600
Barcode studio software	1	500
Stationery		1,600
Miscellaneous		500
	Total	10,000

Table 2: Hardware requirement for server

No.	Item	Detail Specification
1.	Workstation	Ryzen 7 2700X
2.	RAM	16GB
3.	SSD	240GB
4.	Harddisk	1TB

Table 3: Hardware requirement for user

No.	Item
1.	Computer for OPAC
2.	Receipt Printer
3.	Label Printer
4.	QR / Barcode Scanner
5.	Labelling Printer

For Library Management System (LMS), we propose to use an open source library system. There are many proprietary systems but mostly expensive and can cost up to hundred thousand of ringgit. Though proprietary systems are still dominating the market, users recently are gaining trust for open source system for alternative (Marshal Breeding, 2012) An open source system has become popular in the past 10 years and offer the same functionalities a proprietary system has with zero cost.



Image 4: KOHA users worldwide. The blue icon indicates the distribution school libraries using KOHA ILS.

Hence we propose the school to adopt KOHA ILS. It currently holds the position as the most widely implemented open source ILS in the world and one of the top ILS products of any type globally (Breeding, 2016). The users are thousands and worldwide and used in most type of libraries.

There are many modules in KOHA as it offers complete package a library system requires. However in the case of SMKTM, not all of this modules are needed. The administrative part is run by other school system so this module can be opted out. Thus we configured the system to enable the very basic functions of a library system should have such as Cataloging, Online Public Access Catalogue (OPAC), Patron and Circulation. The system is also configured to have administrative functions such as Cataloging Tools, Reporting and Patron Authorization. Apart from these, we also introduced the use of Quick Response code (QR code) to both membership and item identification as compared to previous practice (i.e. using barcode). This step is also a novel breakthrough for IUM team as the IUM Dar al Hikmah Library itself uses barcode for its collection.




Image 5: QR code technology is introduced to identify members and items in SMKTM

Another major challenge that we faced is the school Internet connectivity. Since the school is in the midst of selecting its Internet provider, the Internet connection was unavailable outside the school. This challenge put us a setback in some of our effort to install the system properly. Without Internet connection, we cannot test out many functions such searching the material via OPAC or login the OPAC from home. For temporary measure, we proposed the school to register to a temporary domain to enable the access from outside until the school decided to select its provider later. As this issue takes some times to resolve and the team has a project deadline to meet, the initial technical setup and testing has to be done at IIUM Dar al Hikmah Library and the fully ready system will only be transferred to the school once it is ready. Remote access is also an alternative to resolve issues once all the system is ready to be used at the school. The final technical phase is designing the SRC homepage and OPAC interface design. The homepage includes pertinent information about SRC and important news and contact information. From this homepage, students can access the information recorded in the system online 24/7 as shown in Image 6:




Image 6: OPAC can be accessed at <http://pssmktm.ddns.net>

Training Session

The lack of understanding in the field of librarianship and its management among the SRC prefects became one of the biggest challenges in conducting this project. When we asked them what is their main roles in the SRC, their responses were “shelving books!”. Other answers were handling borrowing and returning of books and ask users not to make noise in the SRC. They guess that librarian is not a prestigious job as compared to other profession. Some others say that there is no need a professional certificate to be a librarian and it is not a challenging job. It is supported by a finding of survey done in United Kingdom where a lack of understanding of what the role of a librarian entails, and a lack of awareness of librarianship as a professional career choice resulted in young people not wanting to become a librarian. Therefore, librarians should promote their roles in order that misconceptions can be eradicated; increased understanding may lead to young people finding it a more appealing career choice (Newbutt, Sarah and Sen, Barbara, 2009).

This project is an opportunity for us to expose the SRC prefects to the actual roles of librarians' careers. Therefore, a series of training session has been conducted to the 15 ‘pioneers’. In the training we are sharing our skills and expertise so that the SRC prefects will be able to perform their duties more effectively.

The training was conducted in 6 sessions as shown in Table 4 below. During the training the SRC prefects were introduced to the library profession and technical aspects of SRC operations by using KOHA ILS.

Table 4: Training session for SMKTM's SRC prefects

Session	Title of training	Trainer / facilitator	Post	Duration
1	Librarian profession	Br. Ahmad Zaki b. Rashid	Librarian	1 and half hour
2	Cataloging and classification of the books	Sr. Siti Aidah bt. Rabinan	Librarian	2 hours
3	Membership registration	Sr. Zuliana bt. Zubir	Information Technology Officer	1 and half hour
4	Circulation and loan	Sr. Fadzilah bt. Abdullah	Librarian	2 hours
5	Online Public Access Catalog	Br. Juhari b. Daud	Librarian	1 and half hour
6	Hands-on training on the system module (cataloging, membership registration, etc.)	20 IUM library staff	Librarian/Library assistants	2 weeks

In the 1st session, the SRC prefects were briefed about the introduction of the librarianship career and how a librarian plays their roles in the library as well as society. The look on their face shows they don't really know who the librarian is. To brief something that they don't really know about is quite challenging for us. We don't even have any experience, how to deal with school students. Using a simple language with many examples was the best approach to tackle their attention.



Image 7: Briefing on Library Profession as a Career by Mr. Ahmad Zaki Rashid

In session 2, the SRC prefects were exposed to the tasks of cataloging and classifying of materials. They are shown how to create a book call number by category and subject and then enter the information into KOHA ILS. Here, the challenge continues. Communicating effectively is challenging, when technical information is briefed to non-techies. However, the young SRC prefects are able to understand and do the processes after a few times practices.

In session 3, the SRC prefects were trained on how to manage library membership registrations. They have learned how to register a membership account into KOHA ILS. Then, in the 4th session, the participants have learned about the process of borrowing and returning books using KOHA system through Circulation and loan module.



Image 8: Hands on Training on Membership Registration by Mdm. Zuliana Zubir

While in session 5, participants learn how to use the OPAC system that has been developed. Participants were shown how to search materials and identify their status, as well as how to read and understand a book call number.

After the training completed, the SRC prefects with the assistance of twenty (20) Dar al Hikmah Library staff started doing cataloging, physical processing, and membership registration for the SRC community. The tasks were completed in 2 weeks' time. A total of 2000 books were successfully cataloged and approximately 100 memberships were completely registered.

The SRC aims is to catalogue all the 15,000 books and do the membership registration to all the 2000 school's community. Therefore, the SRC prefects need to be skilled in entering data using the systems developed since they need to do the work on their own in the future. They will also guide their junior and this knowledge transfer will be a continuing process.

Testing

Testing process was taking about a month before the launching ceremony. During this process, the Library Community Engagement committee made an evaluation, re-checking and correction of all the data that has been entered by the SRC prefects. The KOHA ILS also been tested to see its stability and functionality.



Image 9: Testing of KOHA ILS at SMKTM RSC.

Launching Ceremony

The launching ceremony was held on November 13, 2019. IIUM Dar al Hikmah Library and the School collaborated in preparation for the ceremony. The IIUM Honorable Rector Prof Emeritus Tan Sri Datuk Dzul kifli Abdul Razak, has been honored to launch the program.



Image 10: Prof Emeritus Tan Sri Datuk Dzul kifli Abdul Razak launched the KOHA ILS system

In his speech, the Honorable Rector explained that such this Community Engagement project should be continued and strengthened so that people could benefit from the existence of IIUM. He added that this project was expected to foster reading interest among students and that they would use the library facilities in the future. He also congratulated and thanked those involved in making this pilot project a success.

Also present were IIUM Chief Librarian Sarifah Abdullah; Gombak District Education Officer Bhakhari Abdul Rahman; President of SMK Taman Melawati PTA, Hatta Adam; SMK Taman Melawati Alumni President Irwan Zainal Abidin, all school teachers and administrators, 25 IIUM librarians and 60 Form One and Two students.



Image 11: Gimmick montage show



Image 12: Mdm. Zarina (Principles SMK Taman Melawati) presented the gift to the IIUM Rector.



Image 13: The launching of KOHA Intergated Library System at SMKTM was published in Sinar Harian on January 7, 2020

Conclusion

Students are computer savvy today. Their dexterity at playing computer games provides a continuing excitement for them. The SRC is part of their experience at school. It should be automated to permit the students to be excited about finding and using materials that enhance their studies. Parents can feel good about having their children enrolled in a school where the SRC can be available to them and their children anytime the students want to access it via a Web browser. In short, the development of KOHA ILS of the SMKTM's resource center is a good investment and benefits the entire school population. Therefore, implementing the KOHA ILS and further enhancing cooperation and networking to other schools' resource centers in the Gombak area need to be considered in future.

Acknowledgement

The authors would like to thank SMKTM for giving an opportunity to IIUM to develop KOHA ILS at their SRC. We also would like to thank to the School's Principal, SRC's teacher, SRC's prefects, and the IT team for their good cooperation and communication in making this project a success.

References

- Breeding, M. *Open Software For Libraries: Current Trend And Issues*. 2012.
<https://www.slideshare.net/Baratz/marshall-breeding-jornadaswl>
- Breeding, M. "The Systems Librarian: Anticipating The Next Phase of The Library-Technology Industry". *Computers in Libraries*, 36(10) (2016): 16-18.
- Cohn, J. M., Kelsey, A. L., & Fiels, K. M. *Planning for Integrated Systems and Technologies: A How to do it manual for librarians* (David Salter (Ed.); 2nd ed.). 2002
- Awoyemi, O. O. & Yusuf, A. R. "Reading Habits of Users as Determinants of the Utilisation of Library Information Resources of Two Public Libraries in South-West, Nigeria". *Library Philosophy and Practice*. 2016. <http://digitalcommons.unl.edu/libphilprac>
- Newbutt, Sarah & Sen, Barbara. "What Impressions Do Young People Have Of Librarianship As A Career? Varlejs, Jana & Walton, Graham (Ed.)". *Strategies for Regenerating the Library and Information Profession*. Berlin, Germany: Walter de Gruyter. 46-60, 2009.

Author's Profile

Siti Hawa binti Darus is a Deputy Chief Librarian and currently works at Governance and Quality Section of Dar al Hikmah Library. She has join IIUM since 1991 at has a vast working experiences at Library Technical and Services areas. She has been assigned as a Coordinator for Dar al Hikmah Library Community Engagement Committee since 2010. She is always willing to dedicate her time to expand her network and boost her social skills through the activities conducted with the community. She can be contacted at hawa@iium.edu.my.

Fadzilah Abdullah is a Senior Librarian at IIUM Dar al-Hikmah Library. Currently assigned at Library Technology Section, she oversees IT related supports and services for IIUM Dar al-Hikmah Library including system administration for Integrated Library Systems (ILS). She is an active member of KOHA ILS for IIUM Resource Centers and KOHA ILS for School Resource Center under Library Community Engagement (LCE) projects. She can be contacted at fadzilaha@iium.edu.my.

Ahmad Zaki Rashid is a senior librarian at IIUM Dar al-Hikmah Library. He has joined IIUM since 2009 and began his career as a law librarian at Law Information Section. Experienced in conducting information literacy classes for several years and has led 2 different branch libraries for 3 years. Has served as a liaison librarian for the President of the IIUM from 2015 to 2018 in dealing with matters relating to the Office of the President and the library. Experienced in the Cataloging Unit and currently serving as the Head of the Arabic Acquisition and Gift & Exchange Units. He also currently leads the Innovation and Creative Group (ICC) for the library and has won the second best award in the Innovative & Creative Circle Competition, Malaysian Public University level in 2019 and was named the best facilitator in that event. He is passionate about challenging work and loves teamwork. He can be contacted at zakirash@iium.edu.my.

PENGENALAN KEPADA KOLEKSI MALAYSIANA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Jasreena Jamil

*Penolong Pengarah, Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia
jasreena@pnm.gov.my*

Adam Zulkarnain Saleng

*Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan
Perpustakaan Negara Malaysia
adam@pnm.gov.my*

Ima Eryanty Abdul Manaf

*Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Modal Insan
Perpustakaan Negara Malaysia
ima_eryanty@pnm.gov.my*

Abstrak

Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga Koleksi Malaysiana, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menjadi gedung segala memori sejarah dan kebudayaan serta pustaka dalam pelbagai bentuk bahan sama ada dalam bentuk cetak dan bukan bercetak mahupun digital. Koleksi Malaysiana adalah koleksi warisan negara dan bangsa Malaysia yang harus dipelihara agar dapat menterjemah pencapaian negara Malaysia dalam pelbagai bidang untuk dirujuk oleh generasi pada masa hadapan. Terdapat beberapa dasar yang diwujudkan dalam usaha memelihara dan memulihara khazanah Koleksi Malaysiana daripada hilang dan pupus tanpa dijaga dengan baik seperti Dasar Malaysiana, Dasar Hadiah dan Pertukaran, Dasar Koleksi Khas, Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan dan Dasar Pemuliharaan Bahan Perpustakaan. Antara Koleksi Malaysiana yang terdapat di PNM adalah Koleksi Monograf; Koleksi Terbitan Bersiri termasuk koleksi surat khabar dalam bentuk mikrofilem dan mikrofilm; Koleksi Khas merangkumi Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi; Koleksi Fana; Arkib PNM; Peta dan Koleksi Terperingkat. Dalam usaha PNM untuk menjaga khazanah negara iaitu Koleksi Malaysiana bagi memperkenalkan kepada pengguna dalam dan luar negara maka, pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh PNM. Antara usaha yang dilaksanakan adalah membangunkan sistem MyRepository Digital PNM yang menghimpunkan Koleksi Malaysiana yang mudah diakses, membuat promosi secara berterusan, menyediakan sudut khas seperti Sudut Biblioterapi, menjalankan program/aktiviti berkaitan Koleksi Malaysiana, bengkel khas, mewujudkan koleksi gambar digital, memperbanyakkan atau menyokong penyelidikan berkaitan Koleksi Malaysiana dan membuat pengesanan Koleksi Malaysiana (manuskrip) yang berada di luar negara untuk di bawa balik ke Malaysia. PNM sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengumpul, memelihara dan memulihara Koleksi Malaysiana sebagai khazanah negara akan dapat menjaganya

sebagai salah satu aset terpenting negara. Dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan melalui promosi dan usaha berterusan menyebarkan kewujudan bahan-bahan ini dari masa ke masa pasti akan menyedarkan rakyat Malaysia mengenai Koleksi Malaysiana yang harus disimpan dan dijadikan sebagai rujukan.

Kata kunci: Koleksi Malaysiana, Malaysiana, Koleksi PNM

Pengenalan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mempunyai peranan utama dalam menyimpan dan memperluaskan penggunaan koleksi terbitan dalam negara dan koleksi mengenai negara yang diterbitkan di luar negara. Koleksi tersebut dikenali sebagai Koleksi Malaysiana. Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga Koleksi Malaysiana, PNM telah menjadi gedung dalam menyimpan segala memori sejarah dan kebudayaan serta pustaka dalam pelbagai bentuk bahan sama ada dalam bentuk cetak dan bukan bercetak mahupun digital. Koleksi Malaysiana adalah koleksi warisan negara dan bangsa Malaysia yang harus dipelihara agar dapat menterjemah pencapaian negara Malaysia dalam pelbagai bidang untuk dirujuk oleh generasi pada masa hadapan. Dalam Dasar Malaysiana ada menjelaskan berkaitan dengan maksud Koleksi Malaysiana yang ditakrifkan sebagai:

Bahan Malaysiana adalah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan/atau semua sumber perpustakaan mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan, (Dasar Malaysiana, 1999)

Penggunaan perkataan Koleksi Malaysiana adalah untuk menunjukkan bahawa koleksi tersebut mewakili negara Malaysia. Ini sebagai identiti Malaysia bagi koleksi bahan yang diterbitkan dalam negara atau luar negara mengenai Malaysia.

Dasar Negara Bagi Perpustakaan Dan Perkhidmatan Maklumat PNM

Terdapat beberapa dasar yang diwujudkan dalam memelihara dan memulihara khazanah Koleksi Malaysiana negara daripada hilang dan pupus tanpa dijaga dengan baik. PNM telah merangka dasar-dasar ini untuk menyokong Dasar Negara mengenai bahan Malaysiana. Dasar-dasar tersebut adalah seperti bercetak mahupun digital. Koleksi Malaysiana adalah koleksi warisan negara dan bangsa Malaysia yang harus dipelihara agar dapat menterjemah pencapaian negara Malaysia dalam pelbagai bidang untuk dirujuk oleh generasi pada masa hadapan. Dalam Dasar Malaysiana ada menjelaskan berkaitan dengan maksud Koleksi Malaysiana yang ditakrifkan sebagai:

i. Dasar Malaysiana

Dasar yang disediakan untuk memenuhi matlamat Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara serta membolehkan PNM berperanan sebagai titik tumpuan sistem maklumat negara serta berfungsi sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana. Dasar ini adalah selaras dengan keperluan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986 (Akta 331), Seksyen 3(1) iaitu untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

ii. Dasar Hadiah dan Pertukaran

Salah satu objektif utama adalah membantu memperkukuhkan koleksi PNM dengan memberi keutamaan kepada bahan Malaysiana. Antara usaha yang digariskan dalam dasar ini dalam mengumpul bahan Malaysiana adalah dengan melaksana beberapa strategi iaitu mengesan dan memperoleh secara hadiah bahan Malaysiana yang hendak dilupuskan atau dihadiahkan oleh institusi/perpustakaan lain untuk dijadikan Koleksi Malaysiana PNM. Selain daripada itu, usaha dilaksanakan dengan membuat rundingan bagi perolehan bahan Malaysiana dari koleksi peribadi yang akan dilupuskan atau dihadiahkan kepada pihak lain serta mengesan dan mendapatkan secara hadiah dari pelbagai sumber perpustakaan keluaran negara bagi koleksi Pusat Sumber Malaysia di luar negara. Usaha-usaha ini dilaksanakan bagi memelihara segala bentuk terbitan bahan Malaysiana yang berada di Malaysia dan juga luar negara.

iii. Dasar Koleksi Khas

Dasar ini bertujuan bagi memenuhi matlamat Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara serta membolehkan PNM berperanan sebagai pusat kecemerlangan maklumat Malaysiana dan pusat rujukan kebangsaan. Koleksi khas terdiri daripada Koleksi Khas Malaysiana seperti bahan nadir, koleksi peribadi, bahan terperingkat (haram, sulit, terhad), koleksi fana atau ephemeral (brosur, setem, sampul surat hari pertama, poskad, poster, lencana dan lain-lain) dan koleksi arkib PNM. Perolehan bahan Koleksi Khas PNM dilaksanakan melalui pembelian, pertukaran, hadiah dan penempatan.

iv. Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan

Dirangka untuk memastikan semua bahan bercetak dan bukan bercetak didokumentasi secara sistematik berpandukan standard kebangsaan dan antarabangsa untuk membolehkan PNM dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana dan Pusat Rujukan Kebangsaan. Semua bahan Malaysiana didokumentasi bagi tujuan memudahkan dapatan semula bahan Malaysiana yang berada di PNM.

v. Dasar Pemuliharaan Bahan Perpustakaan

Bertujuan untuk menentukan pemuliharaan sumber perpustakaan berada di paras optimum kerana ianya mencerminkan warisan intelektual, kesusasteraan dan kebudayaan negara sebagai satu khazanah berharga. Dasar ini merangkumi langkah-langkah penyelenggaraan dan pemuliharaan sumber perpustakaan dari mula sesuatu bahan diperolehi sehingga disediakan untuk kegunaan awam, termasuk penyelenggaraan kemudahan mengawal ruang simpanan koleksi. Antara fungsi proses pemuliharaan adalah mengurus pemuliharaan koleksi PNM menerusi pengawetan, penjilidan dan pembaikan bagi memastikan warisan intelek negara dipelihara secara terancang untuk kegunaan dan rujukan masa kini dan akan datang, menguruskan proses penukaran format koleksi perpustakaan dari bentuk asal ke bentuk lain, memantau pemuliharaan dan penyelenggaraan koleksi PNM, dan meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai penyelenggaraan dan pemuliharaan bahan perpustakaan.

Perkhidmatan Pusat Rujukan Malaysiana

Selaras dengan Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987, Bahagian II, Seksyen 3, PNM telah mengambil inisiatif dan usaha dalam proses memelihara bahan Malaysiana. Bahan Malaysiana terdapat di seluruh

perpustakaan di Malaysia sama ada di perpustakaan awam, perpustakaan desa, perpustakaan akademik mahupun perpustakaan khusus di agensi kerajaan dan swasta. Oleh itu, sebagai salah satu usaha pemeliharaan khazanah Koleksi Malaysiana, maka PNM telah mewujudkan Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) yang bertanggungjawab sebagai pusat penyimpanan dan pemeliharaan khazanah warisan bangsa dalam pelbagai bentuk bahan pencapaian intelek masyarakat Malaysia. Peranan PRMLN dalam memelihara bahan Malaysiana adalah seperti berikut:

- i. Mengurus perkhidmatan rujukan dan perujukan Malaysiana dan luar negara;
- ii. Mengesan dan menyediakan bahan rujukan untuk memenuhi keperluan pengguna;
- iii. Mengurus dan menyelenggara koleksi Malaysiana dan luar negara;
- iv. Memantapkan Koleksi Malaysiana dan luar negara melalui pengesanan/perolehan;
- v. Mengurus dan menyelaras Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) dari dalam dan luar negara;
- vi. Menyebar ilmu yang terakam dalam bahan nadir dan koleksi peribadi melalui penyelidikan penerbitan;
- vii. Mengurus dan melaksanakan perkhidmatan rujukan koleksi khas Harvard, PBB dan ASEAN; dan
- viii. Mengurus dan melaksana program promosi Koleksi Malaysiana dan luar negara.

Pusat Rujukan Malaysiana berperanan sebagai pusat kecemerlangan rujukan dan penyelidikan kebangsaan. Dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan serta sentiasa berusaha untuk memenuhi sekurang-kurangnya 80% dari keperluan rujukan dan penyelidikan Malaysiana, perkhidmatan ini disediakan melalui pelbagai sumber maklumat dan beberapa pangkalan data atas talian.

Koleksi Malaysiana PNM

Terdapat beberapa jenis Koleksi Malaysiana PNM iaitu:

i. Koleksi Monograf

Terdiri daripada bahan-bahan yang diterbitkan di dalam dan luar Malaysia secara keseluruhan atau sebahagian besar kandungannya adalah mengenai atau berhubung dengan Malaysia dan penduduknya, tidak terhad tempoh penerbitan atau bahasa yang digunakan. Monograf bermaksud buku yang meliputi semua bidang perkara iaitu Karya Am, Falsafah dan Psikologi, Agama, Sains Kemasyarakatan, Bahasa, Sains Tulen dan Matematik, Teknologi, Kesenian, Kesusasteraan, Geografi, Sejarah dan Biografi. Simbol yang digunakan untuk koleksi ini ialah M (Malaysiana), MR (Malaysiana Rujukan), MR f (Malaysiana Rujukan folio), MB (Brosur Malaysiana), f M (folio Malaysiana), ff M (double folio Malaysiana), MPtr (Malaysiana Poster), MKdk (Malaysiana Kad Kilat), MKd (Malaysiana Kad), MCrt (Malaysiana Carta), MKit (Malaysiana Kit) dan MPmn (Malaysiana Permainan). Koleksi Monograf Malaysiana terdiri dari buku, ensiklopedia, kamus, bibliografi, indeks, dan kertas persidangan serta brosur yang boleh dirujuk oleh pengguna. Koleksi ini di tempatkan di Aras 7 dan 8, Menara PNM.

ii. Koleksi Terbitan Bersiri

Terdiri daripada bahan-bahan bercetak dan bukan bercetak. Antara koleksi bahan yang terdapat di Koleksi Malaysiana adalah majalah, surat khabar, laporan tahunan, buku tahunan, buku panduan, jurnal, indeks, abstrak, statistik, koleksi perundangan dan warta kerajaan. Koleksi surat khabar terdapat dalam tiga (3) bentuk iaitu bentuk asal (fizikal), mikrofilem dan mikrofis. Simbol yang digunakan untuk bahan-bahan dalam koleksi ini ialah MS, MS f, MS ff, MSR, MSR f, MSR ff.

iii. Koleksi Khas

• Koleksi Nadir

Koleksi bahan perpustakaan yang ditakrifkan sebagai Koleksi Nadir adalah bahan terbitan lama yang diterbitkan sebelum tahun 1950 dan/atau yang sukar diperolehi di dalam negara. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai terbitan cetakan lama yang berkaitan dengan Malaysia (termasuk *Straits Settlements*, Malaya, Persekutuan Tanah Melayu, Kepulauan Melayu dan Alam Melayu), terbitan lama yang tiada cetakan lagi, terbitan lama karangan penulis dan penyelidikan Melayu/Malaysia dan terbitan lama karangan penulis dan penyelidik yang berada di luar negara dalam pelbagai bahasa yang berkaitan Malaysia.

Koleksi Nadir di PNM mula diwujudkan pada tahun 1970-an melalui koleksi bahan yang dihadiahkan oleh beberapa perpustakaan tempatan dari Kuala Lumpur Book Club, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka, Henry Gurney Memorial Library dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor. Pada tahun 1982, PNM telah berjaya membawa balik sebanyak 1,652 bahan nadir daripada Pejabat Pesuruhjaya Malaysia di United Kingdom. Antara koleksi lain dalam Koleksi Nadir ialah *The Malay States* yang diterbitkan pada tahun 1923. Buku karya Philip C. Coote, siri *Peeps at the Many lands* merupakan karya berkaitan Tanah Melayu merangkumi sejarah awal, ekonomi, sastera, dan etnografi kepelbagaian kaum di Tanah Melayu. Turut disertakan ilustrasi berwarna yang menggambarkan kecantikan dan keunikan Tanah Melayu yang dilukis oleh Dorothea A. H. Aldworth. Perolehan bahan nadir Malaysia di PNM telah dimulakan sejak awal tahun 1970-an. Sehingga kini koleksi nadir dianggarkan berjumlah lebih 2,900 naskhah.

• Koleksi Peribadi

Koleksi Peribadi merupakan himpunan ilmu dan maklumat yang dimiliki oleh orang perseorangan, tokoh-tokoh ilmuan, cendekiawan, budayawan, negarawan atau pengkaji yang banyak memberi sumbangan kepada ketamadunan manusia. Koleksi ini adalah hasil penulisan seseorang tokoh ataupun koleksi simpanan/peribadi tokoh berkenaan merangkumi pelbagai bidang perkara yang boleh mempengaruhi dan menggambarkan pemikiran tokoh tersebut. Koleksi ini juga mempunyai nilai sejarah tertentu yang sesuai dijadikan bahan rujukan penyelidikan. Koleksi Peribadi yang diperolehi oleh PNM digunakan untuk tujuan pemuliharaan dan rujukan. Bidang perkara bahan-bahan yang dikumpul adalah menurut kegemaran, minat atau bidang kajian individu pemilik koleksi. Bahan yang diperolehi terdiri dari buku, jurnal, artikel, manuskrip, dokumen, risalah, salasilah, gambar, surat, keratan akhbar, lukisan, carta, brosur, beg dan banyak lagi. Antara Koleksi Peribadi yang terdapat di PNM yang dianggarkan berjumlah 35,517 naskhah seperti senarai di Jadual 1.

Jadual 1: Koleksi Peribadi

Bil.	Tahun Penerimaan	Koleksi	Jumlah Keseluruhan	
			Judul	Naskhah
1.	1994	Abdul Rahman Al - Ahmadi (AR)	3,182	5,241
2.	1995	John Bastin (JB)	3,079	3,079
3.	1997	Che Ismail Che Daud (CID)	650	1,206
4.	1997	Pak Sako (Ishak Haji Muhammad) (IM)	13	76
5.	1998	Aziz Jahpin (AAJ)	202	205
6.	1999	N.A Halim (Abd Halim Nasir) (AHN)	63	3,606
7.	2002	Bung Karim (Abd Karim Abdullah) (AKA)	4,344	4,344

8.	2002	Said Zahari (SZ)	2,270	2,270
9.	2003	Mohd Idris Kamaruddin (MIK)	290	290
10.	2004	Naharuddin Haji Ali (NAH)	42	43
11.	2005	Rossem (Rosidi Semail) (ROS)	28	2,234
12.	2006	Zaid Ahmad (ZA)	278	285
13.	2007	Zainal Buang Hussien (ZBH)	1,161	1,161
14.	2008	Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (ZAA)	245	245
15.	2008	A. Samad Said (ASS)	5,432	5,432
16.	2009	Nordin Hassan (NH)	2,578	2,578
17.	2015	Wan Mohd Shagir Abdullah (WMS)	135	135
18.	2015	Abdullah Hussain (AH)	1,057	1,070
19.	2017	Muhammad Hj. Salleh (MS)	675	675
20.	2019	S.Othman Kelantan (SOK)	5	5
21.	2019	Anwar Ridhwan (ANR)	693	693
22.	2020	Talib Samat (TS)	335	335
Jumlah			27,061	35,517

Sumber: Laporan Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia (2020)

- **Koleksi Fana (Ephemeral)**

Koleksi ini dimulakan pada tahun 1955 dan ditakrifkan sebagai koleksi yang berupa sementara, tidak kekal dan ringkas tetapi mempunyai maklumat penting dan signifikan bagi sesuatu peristiwa. Ia merangkumi bahan-bahan maklumat seperti poskad, brosur, buku program/aturcara, kad jemputan, artifak, poster/gegantung, kalendar/poskad, setem, sampul surat hari pertama, gambar, lengana, cenderahati dan seumpamanya yang mempunyai maklumat dalam bentuk visual atau grafik.

- **Arkib PNM**

Merangkumi bahan dan rekod terbitan PNM atau oleh warga PNM seperti brosur, buku program/aturcara, monograf, terbitan bersiri, karya staf PNM dan terbitan lain yang berkaitan atau anjuran PNM. Kategori lain bahan Arkib PNM ialah album gambar semua aktiviti/program yang dijalankan atau berkaitan Jabatan dirakam dalam bentuk foto/rakaman.

- **Koleksi Peta**

Koleksi peta merangkumi koleksi peta Malaysia yang diterima daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Koleksi ini juga terdiri daripada peta terhad dan tidak terhad. Peta terhad boleh dirujuk oleh pengguna dengan kebenaran dari Penasihat Pembaca. Bahan ini tidak boleh dibuat salinan sama ada menggunakan kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara (JUPEM).

- **Koleksi Terperingkat (Haram/Sulit/Terhad)**

Bahan Haram

Terbitan yang diisytiharkan haram untuk edaran kepada orang ramai oleh Kementerian Dalam Negeri. Bahan ini boleh dirujuk setelah mendapat kebenaran secara bertulis dari Kementerian Dalam Negeri.

Bahan Terhad

Terbitan yang dihadkan edarannya oleh penerbit bahan tersebut. Ia boleh dirujuk setelah mendapat kebenaran bertulis dari penerbit bahan berkenaan.

Bahan Sulit

Terbitan agensi kerajaan, swasta dan lain-lain yang tidak boleh diedarkan kepada orang ramai. Boleh dirujuk setelah mendapat kebenaran bertulis dari penerbit bahan berkenaan.

Selain daripada Koleksi Malaysiana dalam bentuk bercetak, terdapat juga koleksi dalam bentuk bukan bercetak (non printed material) seperti koleksi surat khabar dalam bentuk mikrofilem dan mikrofis. Koleksi ini menghimpunkan koleksi-koleksi surat khabar terbitan lama dan terbelakang. Antara koleksi yang boleh diakses oleh pengguna seperti koleksi surat khabar The Straits Times yang diterbitkan seawal 1883. Bahan-bahan ini disimpan di Bilik Mikrofilem, Aras 6, Menara PNM.

Pengkelasan Koleksi Malaysiana

Koleksi Malaysiana disusun mengikut Pengkelasan *Dewey Decimal Classification* (DDC). Pengkelasan DDC selalunya digunakan secara umum dan mudah serta banyak digunakan di perpustakaan awam. Pengkelasan DDC adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Pengkelasan *Dewey Decimal Classification* (DDC)

Bil.	Pengkelasan	Koleksi Monograf Malaysiana meliputi semua bidang perkara
1.	000	Karya Am
2.	100	Falsafah dan Psikologi
3.	200	Ugama
4.	300	Sains Kemasyarakatan
5.	400	Bahasa
6.	500	Sains Tulen dan Matematik
7.	600	Teknologi/Sains Gunaan
8.	700	Kesenian
9.	800	Kesusasteraan
10.	900	Geografi, Sejarah dan Biografi

Sumber: Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM (2020)

Simbol-simbol yang digunakan bagi mewakili bahan Malaysiana pula menggunakan simbol (M) merujuk kepada perkataan Malaysiana itu sendiri. Simbol-simbol utama yang digunakan untuk koleksi Malaysiana adalah seperti jadual 3.

Jadual 3: Simbol Koleksi Malaysiana

Bil.	Simbol	Koleksi Malaysiana
1.	M	Koleksi Monograf Malaysiana
2.	M f / M ff	Koleksi Folio/Double Folio Malaysiana
3.	MR	Koleksi Monograf Rujukan Malaysiana
4.	MR f / MR ff	Koleksi Rujukan Folio/ Double Folio Malaysiana
5.	MB	Koleksi Brosur/Risalah Malaysiana
6.	MPtr	Malaysiana Poster
7.	MKdk	Malaysiana Kad Kilat
8.	MKd	Malaysiana Kad
9.	MCrt	Malaysiana Carta
10.	MKit	Malaysiana Kit
11.	MPmn	Malaysiana Permainan
12.	MS	Koleksi Terbitan Bersiri Malaysiana
13.	MS f/ MS ff	Koleksi Terbitan Bersiri Folio/ Double Folio Malaysiana
14.	MSR	Koleksi Terbitan Bersiri Rujukan Malaysiana
15.	MSR f/ MSR ff	Koleksi Terbitan Bersiri Rujukan Folio/ Double Folio Malaysiana
16.	MN	Koleksi Nadir Malaysiana
17.	MT	Koleksi Terhadap Malaysiana
18.	MH	Koleksi Haram Malaysiana
19.	MSU	Koleksi Sulit Malaysiana
20.	Pt	Peta

Sumber: Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM (2020)

Usaha Memperkasa Koleksi Malaysiana

Koleksi Malaysiana adalah satu koleksi yang amat penting untuk dipelihara dan dipulihara dalam menjaga kelestarian khazanah bangsa Malaysia. Pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh PNM dalam memperkasa Koleksi Malaysiana supaya dapat dijaga dan dirujuk oleh rakyat Malaysia mahupun luar negara. Antara usaha tersebut adalah seperti di bawah:

- **Pembangunan Sistem MyRepositori Digital PNM.**

Pendigitalan bahan perpustakaan bertujuan untuk memelihara bahan dan memudahkan para pengguna atau penyelidik mengakses bahan berkenaan (Prabhat Pandey dan Roli Misra, 2014) dan koleksi digital berfungsi sebagai salah satu pemacu untuk institusi budaya dan warisan menegenahkan dan memaparkan bahan yang khas dan terpilih (Sandra Aya Enimil, 2020). Justeru, pembangunan sistem digital PNM merupakan satu platform yang mengumpulkan Koleksi Malaysiana yang terdapat di PNM sebagai khazanah digital negara bagi memastikannya dapat diakses tanpa sempadan menggunakan teknologi terkini. Usaha pendigitalan bahan ini dapat menyediakan bahan-bahan yang telah lama dan bernilai boleh dirujuk oleh pengguna tanpa merosakkan bahan tersebut. Sehingga kini dianggarkan sebanyak 47,139 judul bahan Malaysiana yang telah didigitalkan seperti di Jadual 4. Bahan digital ini ditempatkan dalam Sistem MyRepositori PNM yang boleh diakses oleh semua pengguna PNM yang boleh diakses melalui laman Portal MyRepositori PNM.

Jadual 4: Jenis Koleksi dalam Sistem Repositori PNM

Bil.	Koleksi	Judul
1.	Suratkhabar	39,577
2.	Monograf	2,870
3.	Koleksi Nadir	888
4.	Koleksi Peribadi	2212
5.	Koleksi Manuskrip	1592
Jumlah		47,139

Sumber: Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM (2020)

- **Promosi Secara Berterusan**

Menurut Kurma Sharma & Sapna Bhardwaj (2009), cabaran kepada perkhidmatan perpustakaan daripada perubahan kepada pendekatan pendidikan, impak teknologi, kaedah baru untuk peruntukan maklumat dan belanjawan yang menurun memberi maksud bahawa pemasaran kini adalah begitu penting sehingga tidak boleh dianggap sebagai fungsi berasingan. Banyak perpustakaan telah menghargai sumbangan dan aplikasi yang boleh dibuat melalui konsep pemasaran. Dalam mereka bentuk kepelbagaian dalam pemasaran dan membangunkan pelan pemasaran, apa yang dipanggil 7Ps telah menjadi pusat kepada perpustakaan - produk, harga, tempat, promosi, peserta, bukti fizikal, dan proses. Pemasaran sering dilihat sebagai satu set strategi dan teknik yang dimiliki oleh pentadbir selain pustakawan. Promosi bahan Malaysiana perlu giat dilaksanakan melalui pelbagai platform seperti poster dan video dan dimuat naik ke dalam media sosial untuk menarik lebih ramai pengguna merujuk bahan Malaysiana yang disediakan oleh PNM.

Selain itu, bahan rujukan seperti indeks dan bibliografi juga perlu diketengahkan dalam usaha mempromosi bahan. Menurut Amanah Ahmad (1989), bahan tersebut merupakan karya rujukan yang penting bagi golongan penyelidik kerana ia dapat memandu mereka kepada sumber-sumber rujukan mengenai sesuatu bidang yang khusus. PNM juga melaksanakan pameran koleksi terpilih secara berkala dan bertema di Aras 7 dan 8, Menara PNM dalam usaha mempromosi Koleksi Malaysiana. Antara tema yang terpilih adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Pameran Koleksi Terpilih 2020

Bil.	Koleksi
1.	Tahun Melawat Malaysia
2.	Warisan Tidak Ketara: Silat Melayu
3.	Vaksin
4.	PNM: Bangunan Warisan Kebangsaan
5.	Makan @ Gaya Hidup Sihat
6.	Warisan Tidak Ketara: Mak Yong
7.	Jenayah Siber
8.	Kemurungan
9.	Mistik Alam Melayu

Sumber: Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM (2020)

- **Sudut Khas**

PNM juga telah menyediakan sudut khas untuk meletakkan bahan-bahan Malaysiana yang terkini diterbitkan, buku terlaris dan buku yang pernah memenangi anugerah. Kewujudan sudut ini amatlah penting sebagai salah satu usaha memperkenalkan Koleksi Malaysiana terpilih secara khususnya dan perkhidmatan perpustakaan secara amnya kepada pengguna perpustakaan. Mempromosikan perkhidmatan perpustakaan adalah sangat penting kerana beberapa perpustakaan mempunyai koleksi yang bagus dan komprehensif tetapi tidak banyak pengguna yang menyedari kewujudan koleksi berkenaan (Norasiah Haji Harun, 2006 dalam M. Vijayalatchumy & S. Janaki, 2013).

Sudut Biblioterapi juga diwujudkan dalam usaha mempromosikan bahan Malaysiana terpilih. Sudut ini telah diwujudkan dengan menegenahkan koleksi buku Malaysiana di dalam bidang motivasi dan psikologi yang mempamerkan bahan-bahan yang memberi sumber inspirasi dan motivasi kepada para pengguna. Sudut ini juga dihias dengan warna-warna yang ceria bagi menaikkan semangat pengguna untuk membaca bahan-bahan yang disediakan. Ini selari dengan pernyataan di dalam artikel yang dikoordinasi oleh Pat Muller dan Ivan Chew (2008) iaitu perpustakaan menyediakan pelbagai bahan terkini yang menjadi minat para remaja untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, literasi, motivasi membaca dan perkembangan pembaca.

- **Program/Aktiviti**

PNM juga secara berterusan melaksanakan program/aktiviti dan pameran di luar jabatan sama ada anjuran PNM atau dengan kerjasama agensi lain seperti jabatan kerajaan, pihak universiti, agensi swasta, sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara program/aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti penerokaan maklumat (information explorace), kuiz, teka kata dan lain-lain aktiviti yang dapat menarik minat pengguna untuk mengenal Koleksi Malaysiana. Selain daripada itu, PNM perlu melaksanakan lebih banyak forum dan seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa berkaitan Koleksi Malaysiana. Program/aktiviti seperti kempen yang menarik dan memberi impak boleh dilaksanakan secara bertempoh seperti mingguan atau bulanan kerana kempen tersebut dapat meninggalkan kesan yang positif dan ingatan kepada pengguna. Menurut Richard Looney (2020) melalui artikelnya yang bertajuk *Library marketing: "Love Your Library"*, Perpustakaan Sir Thomas Browne Library di Hospital Norfolk dan Norwich telah menjalankan satu kempen yang bertajuk *Love Your Library* yang menyasarkan kepada bukan kakitangan perubatan untuk mereka menyedari dan mengetahui mengenai perkhidmatan dan bahan perpustakaan yang tersedia untuk mereka.

Pelan pemasaran secara berfasa juga telah dibangunkan untuk membolehkan kakitangan perpustakaan menyasarkan objektif pada sesuatu masa. Fasa pertama ialah mewujudkan kit pemasaran yang mengandungi poster, risalah dan maklumat mengenai program. Kit berkenaan yang mempunyai label "Cintai Perpustakaan Anda" bertujuan untuk mempromosikan mesej yang jelas dan konsisten untuk menggalakkan kakitangan menyertai perpustakaan. Kit ini mengandungi poster, risalah dan taklimat mengenai acara yang dicipta pada kos yang minimum. Selain itu ia juga mengandungi semua maklumat mengenai kempen yang dijalankan termasuk penjualan buku, penjualan untuk kebajikan dan juga cabutan bertuah untuk mana-mana kakitangan yang mempunyai keahlian dengan perpustakaan. Usaha ini juga sekaligus adalah untuk menarik minat golongan remaja untuk berkunjung ke perpustakaan.

Pat Muller dan Ivan Chew (2008) dalam artikel yang bertajuk *Garis panduan Perkhidmatan Perpustakaan untuk Para Remaja* juga merungkaikan tentang peranan penting kakitangan perpustakaan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkhidmat kepada para remaja di dalam komuniti. Perhubungan berterusan dengan agensi-agensi yang terlibat dalam perkhidmatan perkhidmatan sosial, pekerjaan, kebajikan, penguatkuasa undang-undang, serta kumpulan-kumpulan

perkhidmatan belia yang lain akan membantu perpustakaan mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan aliran bahru, masalah sosial dan isu-isu lain yang sekaligus dapat menjana idea untuk mempromosi khidmat perpustakaan kepada belia. Penyelesaian secara kerjasama dapat dimaju dan dilaksanakan untuk memperbaiki kehidupan orang-orang muda. Ini sekaligus mempromosi perpustakaan secara amnya dan bahan perpustakaan terutamanya bahan Malaysiana secara khasnya.

- **Bengkel khas untuk memartabatkan Bahasa Melayu dan bahan Malaysiana**

Sambutan Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan bermula dengan sambutan Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan sepanjang dekad 60-an. Kempen ini telah melalui pelbagai perubahan nama seperti Gerakan Cintailah Bahasa Kita (GCBK) (1987-1996), Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta (GBKSS) (1996-2005) dan Minggu Sastera (1987-1998). Pada tahun 1999, gerakan ini dinamakan Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN). Mulai tahun 2019, sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan diberi penjenamaan semula kepada Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan bagi memastikan aktiviti berkaitan bahasa kebangsaan bukan hanya dilaksanakan pada bulan tertentu sahaja. PNM yang memegang peranan sebagai pusat penyebaran ilmu dan maklumat menyokong Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan dan melaksanakan Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu untuk warganegara asing. Bengkel ini telah dianjurkan enam (6) tahun berturut-turut sejak tahun 2015.

- **Koleksi Gambar Digital**

Penyimpanan gambar-gambar lama sebagai warisan budaya dan sejarah pastinya dapat menarik minat golongan penyelidik mahupun orang perseorangan. Pusat Rujukan Malaysiana dicadangkan untuk bekerjasama dengan Bahagian Kandungan Digital (BKD) untuk mewujudkan satu sudut khas di dalam sistem pendigitalan sedia ada yang mengandungi gambar-gambar terpilih di dalam koleksi nadir Malaysiana. Ini sekaligus mendorong generasi baru untuk lebih mengetahui serta mengenali dengan lebih dalam tinggalan sejarah Malaysia. Secara umumnya, gambar lebih menarik perhatian berbanding dengan tulisan. Gambar-gambar lama yang merupakan warisan budaya yang penting perlu diketengahkan dan dipromosikan bagi mengelakkan ia ditelan oleh arus kemodenan. Menurut Annette Lamb (2020), di dalam artikelnya yang bertajuk *A Dozen Ways to Promote Cultural Heritage Through Image Collections*, beliau memberi contoh beberapa agensi seperti perpustakaan, muzium, universiti dan institut penyelidikan yang mempunyai laman web/pangkalan data mengenai bahan-bahan lama. Sebagai contoh laman web <https://trove.nla.gov.au/> merupakan salah sebuah laman web yang mengandungi koleksi dari perpustakaan, universiti, muzium, galeri dan arkib Australia. Sebanyak 17 gambar dipamerkan apabila kata kunci Melayu dimasukkan di dalam ruangan Gambar, Peta dan Artifak dan salah satunya ialah gambar gambus melayu dan gendang.

- **Penyelidikan**

Melahirkan lebih ramai pakar dan pengkaji naskhah nadir melalui program-program pengajian di peringkat diploma atau sarjana muda dan juga menggalakkan pegawai PNM sendiri membuat penyelidikan berkaitan Koleksi Malaysiana di peringkat Ijazah Sarjana mahupun peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Ini kerana kekurangan pakar dalam bidang ini bakal menyaksikan naskhah-naskhah unggul ini bakal menjadi tinggalan sejarah semata-mata.

- **Pengesanan Manuskrip dan Buku Nadir Berkaitan Malaysiana**

Terdapat banyak koleksi manuskrip yang terdapat di negara luar khususnya di United Kingdom. Usaha membawa balik salinan atau naskhah asal Koleksi Malaysiana yang berada di luar negara perlu dilaksanakan agar khazanah lama dapat dimiliki sendiri dan disimpan sebagai aset penting negara.

Koleksi manuskrip Melayu di Cambridge University Library (CUL) merupakan koleksi yang keempat terbesar seumpamanya di United Kingdom selepas School of Oriental & African Studies (SOAS), The Royal Asiatic Society dan The British Library (Ricklefs, Voorhoeve & Gallop 2014 seperti di petik dalam Raimy Ché-Ross, et. al., 2017). Koleksi CUL antaranya mengandungi naskhah-naskhah manuskrip Melayu tertua di dunia, naskhah-naskhah dan warkah-warkah Diraja, serta beberapa naskhah buku nadir tunggal (codex unicus).

Himpunan buku cetak batu nadir Melayu pula merupakan salah satu sumber terpenting bahan langka ini bagi bidang kajian persuratan, percetakan dan penerbitan Melayu. Selain daripada CUL, terdapat dua lagi institusi di Bandar kota Cambridge yang memiliki manuskrip dan buku Melayu nadir di dalam koleksi mereka, iaitu *The Ancient India & Iran Trust* (AIIT): sebanyak enam manuskrip dan kira-kira tiga puluh buku cetak batu, dan *Emmanuel College*: satu naskhah Hikayat Muhammad Hannafiyah yang berusia lebih-kurang 300 tahun (Brakel 1975, pp. 72-89, seperti dipetik dalam Raimy Ché-Ross et. al., 2017, pp. 66). Di Leiden, Belanda pula mempunyai lebih 120,000 manuskrip Melayu yang kini tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden. Malaysia boleh menjalinkan kerjasama bersama negara Indonesia, Brunei dan Singapura sebagai usaha memiliki bahan tersebut.

Penutup

Rakyat Malaysia secara umumnya kurang mengetahui akan kewujudan Koleksi Malaysiana yang amat penting dan berharga serta pelbagai banyak disimpan di PNM yang boleh diakses sebagai bahan bacaan dan rujukan. PNM sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengumpul, memelihara dan memulihara Koleksi Malaysiana sebagai khazanah negara akan menjaganya sebagai salah satu aset terpenting negara. Dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan melalui promosi dan usaha berterusan menyebarkan kewujudan bahan-bahan ini dari masa ke masa, pasti akan menyedarkan rakyat Malaysia mengenai Koleksi Malaysiana yang harus disimpan dan dijadikan rujukan sekaligus menjadikan mereka berminat untuk menggunakannya sebagai bahan rujukan dan mengkaji koleksi tersebut. Greyling (2010) berkata, "*A library with rich local contents collection will encourage the local community to make use of the library services*". Memupuk minat yang mendalam dalam kalangan generasi muda

Rujukan

- Amanah Ahmad. "Sumber-sumber Maklumat di Malaysia dalam bidang Malaysiana." *Sekitar Perpustakaan*, (13) (1989). <http://myrepositori.pnm.gov.my>
- Greyling, E. Et Al. "Content Development in an Indigenous Digital Library: A Case Study In Community Participation". *IFLA Journal*. 36(1) (2010): 30-39.
- Hafizah Iszahanid. "BH Online". *Miliki semula manuskrip Melayu berharga di Belanda*. 26 Februari 2018, <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/02/393345/miliki-semula-manuskrip-melayu-berharga-di-belanda>
- Lamb, Annette. "A Dozen Ways to Promote Cultural Heritage Through Image Collections". *Teacher Librarian*, 47(4) (2020): 56-60.
- Looney. "Richard Library Marketing: Love Your Library". *Library and Information Research*. 43(127) (2020). <https://doi.org/10.29173/lirg806>
- Muller, Pat and Chew, Ivan. "Garis panduan Perkhidmatan Perpustakaan untuk Para Remaja". *International Federation of Library Associations and Institutions*. Laporan Profesional IFLA, (107) (2008).
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (AKTA 331)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1986.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Dasar Hadiah dan Pertukaran*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1999
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Dasar Koleksi Khas Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2012.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Dasar Malaysiana*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1999.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Dasar Pemuliharaan Sumber Perpustakaan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2003.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2014.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Transformasi Minda = Transformation of Mind*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2018.
- Pandey, Prabhat dan Roli Misra. "Digitization of Library Materials in Academic Libraries: Issues and Challenges". *Journal of Industrial and Intelligent Information*, 2(2), 136-141. <http://www.jiii.org/uploadfile/2014/0113/20140113034520805.pdf>
- Raimy Ché-Ross, Et. Al. "Menjejaki Warisan Khazanah Manuskrip dan Buku Nadir Melayu di Cambridge University Library". *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 5(2) (2017): 57 – 72. <http://www.ukm.my/jatma/wpcontent/uploads/>

Sandra Aya Enimil. "Liberating Digital Collections". *C&RL News*. J-Gate Search: Liberating Digital Collections (jgateplus.com) (2020).

Sharma, Ajay Kumar, Bhardwaj dan Sapna. "Marketing and Promotion of Library Services". *Advocacy and Marketing*. 2009. http://crl.du.ac.in/ical09/papers/index_files/ical-79_73_172_2

Vijayalatchumy, M. dan Janaki, S. "Tamil Malaysiana Collection: A National Heritage". *Jurnal PPM*, (7). <http://eprints.usm.my/>

MAKLUM BALAS WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA MENGENAI PROGRAM IMUNISASI COVID-19

Adam Zulkarnain Saleng
*Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan
Perpustakaan Negara Malaysia
adam@pnm.gov.my*

Abstrak

Pandemik COVID-19 masih menjadi krisis global sejak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menamakan sebagai pandemik yang berisiko tinggi sehingga kini. Pandemik COVID-19 telah mengubah norma kehidupan manusia secara total. Masyarakat perlu mengamalkan norma baharu bagi membendung wabak seperti penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka, dan kuarantin agar tidak terdedah kepada wabak. Bagi mencegahnya, kerajaan telah memperkenalkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk membentuk imuniti kelompok sebanyak 80% daripada populasi penduduk Malaysia. Justeru pemahaman mengenai program imunisasi perlu bagi mengelakkan terdapatnya golongan yang tidak mahu mengambil vaksin. Kajian ini memberi fokus kepada maklum balas warga PNM terhadap program ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran warga PNM terhadap program imunisasi COVID-19; menilai keberkesanan penyampaian maklumat program imunisasi COVID-19 dan mengenal pasti faktor penyebab tidak mendaftar program imunisasi COVID-19. Metodologi yang dipilih ialah kajian kuantitatif dengan mendedarkan borang soal-selidik dalam talian. Sebanyak 219 responden berjaya menjawab dengan baik. Kaedah persampelan mudah telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden mereka telah mendaftar sebagai penerima vaksin (90%) yang kebanyakannya menggunakan aplikasi MySejahtera (91.4%) sebagai platform pendaftaran vaksin. Daripada jumlah tersebut, hanya 9.1% yang telah menerima vaksin dan 90.9% masih belum menerima vaksin walaupun sudah mendaftar dan 74.5% masih tidak mengetahui jenis vaksin yang mereka akan terima. Secara keseluruhan, tahap kesedaran warga PNM mengenai maklumat am vaksin COVID-19 mendapat skor min 4.13 iaitu kategori tinggi. 3 platform tertinggi dalam penyebaran maklumat am COVID-19 adalah melalui TV diikuti dengan laman web KKM, MKN dan KKMM serta melalui khidmat perasan ringkas (SMS). Didapati sebanyak 22 responden yang masih tidak mendaftar dan faktor tertinggi yang dikenal pasti menyebabkan masih belum mendaftar adalah disebabkan oleh kesukaran mendaftar vaksin dalam aplikasi MySejahtera (31.8%) dan responden sedang mengandung atau menyusukan anak (27.3%). Kajian ini memberikan implikasi bahawa warga PNM perlu cakna terhadap permasalahan kesihatan global bagi melindungi seluruh masyarakat sekeliling. Peranan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) juga perlu berusaha lebih banyak dan kerap memberi informasi sahih berkaitan program imunisasi COVID-19 kepada seluruh warga PNM khususnya dan juga masyarakat

melalui saluran internet dan media sosial dalam membantu kerajaan membentuk imuniti kelompok.

Kata kunci: Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Vaksin, COVID-19, Coronavirus, Pandemik COVID-19, Warga PNM

Pengenalan

Pandemik COVID-19 masih menjadi krisis global sejak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menamakan sebagai pandemik yang berisiko tinggi sehingga kini. Berdasarkan data seluruh dunia, sehingga 7 Jun 2021 sebanyak 174,115,847 kes COVID-19 yang dicatatkan dengan 3,745,391 kematian dan 157,156,922 telah sembuh. Manakala sebanyak 2.15 billion orang yang telah diberi vaksin COVID-19 di seluruh dunia. Di Malaysia pula menunjukkan jangkitan COVID-19 sehingga 7 Jun 2021 adalah sebanyak 616,817, jumlah kematian 3,378 orang dan jumlah yang telah menerima vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah sebanyak 2,444,075 berbanding yang telah mendaftar untuk menerima vaksin sebanyak 12,708,357 (JKJAV, 2021).

Umum mengetahui bahawa pandemik COVID-19 telah mengubah norma kehidupan manusia secara total. Malaysia juga mengambil langkah kawalan pergerakan, kempen berterusan mengamalkan norma baharu, pakej rangsangan ekonomi dan sebagainya bagi menjaga kesejahteraan rakyat. Masyarakat perlu mengamalkan norma baharu bagi membendung wabak seperti penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka, dan kuarantin agar tidak terdedah kepada wabak (Arina et al. 2020; Ain Umaira et al. 2020; Asita Elengoe 2020; Lin Lean Lim 2020; Al-Hanawi et al. 2020; UI Haq et al. 2020; Oh et al. 2020, & Peng et al. 2020). Pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata (Fauzi Suhaimi, 2020). Oleh itu, Pandemik COVID-19 bukan sahaja mengancam nyawa dan tahap kesihatan, tetapi mengubah sama sekali cara dan gaya hidup manusia di seluruh dunia termasuklah di negara kita (Noor Mohamad Shakil, 2020).

Di Malaysia, Program Imunisasi Kebangsaan telah diperkenalkan seawal tahun 1950-an lagi. Suntikan vaksin telah diwajibkan bagi bayi atau kanak-kanak dan diberikan secara percuma di semua hospital dan klinik kesihatan kerajaan. Begitu juga dengan pandemik COVID-19, salah satu pendekatan terbaik dalam membendung atau menghapuskan rantainya adalah dengan mengambil vaksin yang telah dihasilkan. Vaksinasi merupakan salah satu usaha pencegahan kepada penyakit-penyakit yang boleh dicegah oleh vaksin. Pemberian vaksin merupakan salah satu cara pencegahan penyakit atau salah satu cara kita berubat. Pencegahan penyakit ini juga termasuk dalam pembangunan komuniti atau masyarakat. Walau bagaimanapun pengambilan vaksin COVID-19 adalah secara sukarela dan tiada paksaan. Semua masyarakat digalakkan untuk mengambilnya sebagai langkah membendung penularan COVID-19. Antara jenis vaksin yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi penggunaan vaksin di Malaysia ialah Pfizer, Astrazeneca dan Sinovac dan pada masa akan datang mungkin banyak lagi jenama vaksin akan digunakan.

Latar Belakang Kajian

Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) telah mula dikesan di negara China iaitu Bandaraya Wuhan di Wilayah Hubei dengan kes pertama disahkan pada 7 Januari 2020 (KKM, 16 Januari 2020; BH Online, 10 Mei 2020). Ketika itu, sumber dan faktor penyebab penyakit ini berlaku masih lagi belum dikenal pasti. Namun, pada awal Januari 2020, kes jangkitan telah meningkat secara drastik dan telah tersebar ke beberapa buah negara seperti Korea Selatan sehingga ke Singapura dan ke Malaysia. Kes pertama di

Malaysia disahkan pada 23 Januari 2020 (CPRC KKM, 2020; BH Online, 17 Mac 2020). Penyakit ini pada awalnya dikenali sebagai 2019 novel coronavirus (2019-nCoV) (WHO, 2020) dan telah diisytiharkan sebagai pandemik kerana telah melibatkan jumlah jangkitan yang besar di peringkat global, disebabkan oleh virus Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus-2 (SARS-CoV-2). Pada 11 Februari 2020, WHO telah mengumumkan nama baharu bagi penyakit ini, iaitu COVID-19 dan diisytihar sebagai pandemik pada Mac 2020 (CPRC KKM, 2020; Noriha Basir, Ina Suryani Ab Rahim & Mohamad Zaki Abdul Halim, 2020; Adam Zulkarnain Saleng & Ruzilah Ehsan, 2020).

Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk mengekang dan menghapuskan penularan COVID-19 di Malaysia. Beberapa langkah telah diambil seperti penutupan pintu sempadan negara (Astro Awani, 9 Jun 2020; Shafiza Safie & Zulkifli Mohamed, 2020; BH Online, 28 Feb. 2021; BH Online, 27 April 2021) dan banyak lagi usaha dilakukan seperti melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 hingga 3.0, mengamalkan 3W iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (wash), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (wear), dan amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (warn) (KKM, 2020; BH Online, 28 Mei 2020). Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah Ketua Pengarah Kesihatan juga menyarankan agar mengelakkan 3S dan 3C, iaitu jauhi kawasan yang sesak (crowded place), elakkan kawasan yang sempit (confined space) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (close conversation).

Seperti negara di seluruh dunia, pemberian vaksin adalah salah satu usaha kerajaan yang amat penting dengan memperkenalkan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) pada 24 Februari 2021 oleh Perdana Menteri Malaysia. Kerajaan akan memberikan vaksin secara percuma kepada semua warganegara dan bukan warganegara Malaysia bagi mencapai imuniti kelompok yang disasarkan.

Pernyataan Masalah

Menurut KKM dalam laman webnya menerangkan kepentingan mengambil vaksin adalah bertujuan untuk mewujudkan imuniti berkelompok di mana ia boleh hanya dicapai dengan liputan imunisasi yang tinggi iaitu sebanyak 80% dari populasi penduduk Malaysia seramai 32.7 juta (DOSM, 2020). Bakteria dan virus penyebab sesuatu wabak sukar untuk merebak sekiranya sebahagian besar masyarakat dilindungi dengan vaksin. Namun, masih terdapat sekelompok yang dikenali sebagai anti-vaksin mempunyai pemikiran bahawa vaksin adalah haram dan tidak perlu diambil oleh manusia dan perlu ditolak (Thoreau & MacLeish, 2001). Menurut Dr. Shih Gang, golongan anti-vaksin mula wujud disebabkan satu kajian yang diterbitkan dalam *Journal Lancet* sekitar tahun 1998, yang mengatakan vaksin menyebabkan autisma kepada kanak-kanak namun kajian tersebut telah ditarik balik oleh jurnal tersebut kerana bersifat berat sebelah dan tidak berwibawa. KKM dan WHO telah menyatakan bahawa anti-vaksin membawa ancaman pada dunia kerana keputusan ahli-ahli anti-vaksin ini bukan dipegang oleh diri sendiri sahaja tetapi juga disebarkan kepada masyarakat dan orang di sekeliling mereka.

Golongan provaksin ataupun doktor akan mengatakan bahawa vaksin adalah selamat tetapi golongan anti-vaksin mengatakan pula bahawa vaksin merbahaya dan boleh memberi kesan sampingan yang teruk kepada anak-anak mereka (Herlihy & Hagood, 2012) dan mereka berhak untuk mengetahui risiko-risiko dan kesan sampingan vaksin tersebut (Sears, 2007: 14). Kesan mudarat akibat maklumat yang salah mengenai vaksin juga diviralkan oleh sesetengah pihak dan ini sangat membimbangkan. Beberapa kes kematian juga dicatatkan di Malaysia akibat tidak mengambil vaksin atau tidak mematuhi nasihat dos vaksin yang dicadangkan oleh pihak KKM. Walaupun tiada dalil yang jelas menyatakan berkenaan penyarian vaksinasi, namun begitu, konteks pendalilan beberapa nas menunjukkan adanya saranan kepada konsep pencegahan menerusi kaedah perubatan kerana kata kunci bagi dunia perubatan adalah 'mencegah lebih baik daripada merawat'. Antara dalil yang menyokong pencegahan kemudaratan dan kerosakan adalah berdasarkan hadis Nabi S.A.W. yang bermaksud:

“Jika kalian mendengar tentang wabak penyakit taun di sesuatu tempat, maka janganlah kalian memasuki tempat tersebut. Sekiranya wabak penyakit tersebut terkena di sesuatu tempat dan kalian sedang berada di tempat itu, maka janganlah kalian keluar dari kawasan tersebut (Abdul Aziz, 1999; al-Bukhari, 2003)”

Setiap ubat yang bermanfaat adalah diiktiraf oleh Islam dan tidak terbatas kepada apa yang disebut dalam hadis sahaja. Masih ramai dalam kalangan masyarakat umum tidak mendapat maklumat tepat mengenai keperluan mengambil vaksin. Ada dalam kalangan mereka yang masih percaya bahawa vaksin menyebabkan kesan mudarat yang serius. Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit, kecuali Dia juga menurunkan ubatnya (Abdul Aziz, 1999; al-Bukhari, 2003)”.

Ubat merupakan antara sekian banyak rahsia milik Allah swt Sesiapa yang Allah swt berikan petunjuk kepadanya, dia amat beruntung baik dari aspek usia, ilmu mahupun hartanya. Sedangkan sesiapa yang tidak memperoleh jalan mencapainya, dia telah kehilangan kebaikan yang banyak (Abdul Rasit, 2017: 110). Justeru kajian ini ingin mengenal pasti tahap kesedaran warga PNM terhadap Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telah dilancarkan dan adakah penyampaian maklumat berkaitan vaksin ini berkesan dan juga apakah faktor penyebab warga PNM tidak mendaftar untuk menerima vaksin diperincikan.

Soalan Kajian

- i. Apakah tahap kesedaran warga PNM terhadap program imunisasi COVID-19
- ii. Adakah penyampaian maklumat program imunisasi COVID-19 berkesan
- iii. Apakah faktor penyebab tidak mendaftar program imunisasi COVID-19

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah bertujuan seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap kesedaran warga PNM terhadap program imunisasi COVID-19
- ii. Menilai keberkesanan penyampaian maklumat program imunisasi COVID-19
- iii. Mengetahui faktor penyebab tidak mendaftar program imunisasi COVID-19

Tinjauan Literatur

Pandemik COVID-19 bukan sahaja mendorong para saintis untuk melakukan kajian terhadap virus ini, malah ia turut mendorong pengkaji dari pelbagai bidang untuk meneliti fenomena yang wujud sepanjang tempoh penularan virus berkenaan seperti aspek kesan COVID-19 terhadap kesihatan mental di Amerika Syarikat, tingkah laku sosiologi masyarakat, sikap kepanikan pengguna Facebook (FB) dalam konteks kajian di Malaysia dan penggunaan komik bagi membantu serta memberi sokongan terhadap emosi dan tingkah laku kanak-kanak dalam menangani perubahan persekitaran COVID-19 (Morabia, A., 2020; Bowleg, L, 2020; Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin, 2020; Noriha Basir, Ina Suryani Ab Rahim, Mohamad Zaki Abdul Halim, 2020; Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat @ Mustafa, 2020).

Vaksin

Vaksin adalah sejenis agen yang bertindak untuk merangsang sistem pertahanan badan bagi melawan bakteria atau virus yang menyerang manusia. Vaksin diperbuat dalam makmal yang terkawal rapi kebersihannya. Vaksin adalah sejenis bahan diperbuat dari agen bakteria yang telah dimatikan (killed), dilemahkan fungsi bahaya mereka atau bahan menyerupai toksin (toxoid) yang tidak merbahaya (Kristini, 2008). Vaksin mengandungi bahan aktif dari bakteria atau virus iaitu antigen yang membantu tubuh manusia menghasilkan antibodi untuk melawan penyakit apabila dijangkiti.

Menurut WHO, vaksin adalah persediaan biologi yang meningkatkan imuniti badan manusia kepada penyakit tertentu. Vaksin biasanya mengandungi “agen” yang menyerupai mikroorganisma penyebab penyakit, dan biasanya diperbuat daripada “mikrob” (virus atau bakteria) yang telah dilemahkan mahupun mati atau hasil-hasil permurniannya (protein, peptida, partikel serupa virus dan sebagainya). “Agen” ini akan merangsang sistem imun badan untuk mengenali patogen-patogen asing, memusnahkannya, dan “mengingati”nya, supaya sistem imun dapat mengenali dan memusnahkan mana-mana mikroorganisma yang dijumpai kemudiannya (WHO, 2018). Kini, terdapat lebih daripada 20 penyakit yang mengancam nyawa mempunyai vaksin untuk mencegahnya (DoctorOnCall, 17 Februari 2021). Imunisasi pada masa ini telah mencegah 2-3 juta kematian setiap tahun akibat penyakit seperti difteria, tetanus, pertusis, influenza dan campak.

Imunisasi

Secara umumnya imunisasi memberi faedah kepada kanak-kanak kerana dapat mengelak daripada dijangkiti pelbagai penyakit berjangkit yang serius seperti Tuberculosis, Polio, campak dan sebagainya. Imunisasi ini diambil oleh kanak-kanak seawal usia sebulan di mana di Malaysia setiap kanak-kanak perlu mengambil vaksin seperti BCG, Hepatitis B, DTab-IPV-HepD-Hib, Pneumokokal, Measles, MMR, MR, DT, HPV, tetanus dan JE (KKM, 2021). Pengambilan vaksin ini akan diambil bermula dari seawal sebulan hingga 15 tahun. Pengambilan vaksin sebagai satu survival dan jika tidak diambil, pelbagai penyakit akan menyerang seseorang dan boleh mengakibatkan kecacatan atau kematian terutama kanak-kanak (Mohd Anuar Ramli, Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi & Noor Fahimah Mohd Razif, 2019). Kebanyakan penyakit berjangkit ini tidak mempunyai rawatan khusus dan boleh mengakibatkan kesan sampingan dan komplikasi yang teruk atau kekal. Imunisasi dapat mengelak kesengsaraan yang dialami oleh kanak-kanak dan juga ahli keluarga dan imunisasi adalah langkah yang efektif dalam mengekang penularan penyakit (Yuningsi, 2020).

Dari aspek pandangan hukum syarak pula, imunisasi merupakan satu jalan pencegahan. Hafidzi (2020) dan Rahman (2021) menerangkan mengenai kewajipan mengambil vaksin dari perspektif Maqashid Al-Syariah apabila dilihat dari segi hukum terutama dalam hukum Islam, proses pemberian vaksin merupakan suatu kebolehan dan wajib. Kesan sampingan akibat imunisasi selalunya adalah ringan dan tidak merbahaya berbanding dengan kesan jangkitan penyakit itu sendiri. Pencegahan adalah perkara yang amat dituntut dalam Islam sesuai dengan kaedah Usul fiqh. Buku *Mausu'ah Huqua al-Insan fi al-Islam*, yang ditulis oleh Al-'Aili Abdul Hakim menyifatkan kesihatan individu merupakan tuntutan agama dan kehidupan, di mana ia akan memberi manfaat kepada kehidupan seluruh umat manusia dan tanggungjawab negara (Masnun et. al, 2021). Dalam isu ini, vaksin bukan lagi merupakan kehendak seseorang, tetapi bahan pencegah ini kini menjadi keperluan kepada masyarakat secara umumnya. Hadis Rasullulah saw yang bermaksud “Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram”. Dalam masa yang sama kita dikehendaki berikhtiar mendapatkan ubat yang telah terbukti kemujarabannya melalui kajian ilmiah. Menggabungkan kaedah perubatan melalui doa yang Rasullulah saw ajar dan ubatan adalah kaedah terbaik bagi seorang insan.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kuantitatif yang telah dilaksanakan pada 4 hingga 11 Jun 2021. Instrumen kutipan data yang digunakan adalah kaedah borang soal selidik secara dalam talian. Borang soal selidik diedarkan kepada semua warga PNM melalui emel jabatan. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan dan sebanyak 219 responden telah mengambil bahagian dengan menjawab borang soal selidik yang disediakan menggunakan Google form. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi tiga bahagian iaitu:

- i. Bahagian A - mengenai demografi responden mempunyai tujuh (7) soalan;
- ii. Bahagian B - pendaftaran vaksin mempunyai tujuh soalan yang telah mendaftar dan tiga (3) soalan yang belum mendaftar vaksin; dan
- iii. Bahagian C - penilaian tahap kesedaran mengenai maklumat am vaksin Covid-19. Soalan satu (1) hingga tujuh (7) menggunakan skala Likert iaitu bermula dari 1 (sangat tidak setuju-STS), 2 (tidak setuju-TS), 3 (kurang setuju-KS), 4 (setuju- S) dan 5 (sangat setuju-SS). Soalan 8 hingga 10 pula adalah soalan pilih berkaitan dengan peranan sumber media dan soalan akhir cadangan penambahbaikan terhadap penyampaian maklumat am mengenai vaksin COVID-19.

Analisis deskriptif berbentuk peratus dan min digunakan untuk menganalisis item Bahagian C bagi soalan yang menggunakan skala Likert. Jadual interpretasi skor min ditunjukkan dalam Jadual 1.


Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.32	Rendah
2.33 hingga 3.65	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi


Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan warga PNM sahaja dan sebanyak N=219 responden yang telah mengambil bahagian berbanding jumlah warga PNM iaitu sebanyak P=440 orang (PNM, 2021). Daripada jumlah tersebut pecahan mengikut jantina menunjukkan sebanyak 161 (73.5%) responden adalah perempuan dan selebihnya 58 (26.5%) adalah responden lelaki (Rajah 1). Jika dilihat mengikut kaum, sebanyak 206 responden (94.1%) adalah Melayu, 8 responden (3.7%) bumiputera Sabah dan Sarawak, 4 (1.8%) responden India dan 1 (0.5%) lain-lain (Rajah 2).

Rajah 1: Jantina Responden




Rajah 2: Kaum Responden



Pecahan jawatan pula menunjukkan sebanyak 146 responden (66.7%) adalah dalam kalangan Pelaksana, diikuti sebanyak 70 responden (32.0%) Pengurusan dan Profesional dan 3 responden (1.4%) adalah Pengurusan Tertinggi (Rajah 3).

Rajah 3: Jawatan Responden




i. Mengetahui Tahap Kesedaran Warga PNM Terhadap Program Imunisasi COVID-19

Pengambilan vaksin COVID-19 diberikan untuk mengawal penularan penyakit COVID-19. Satu kajian oleh KKM mendapati 88 peratus rakyat negara ini bersetuju dan bersedia menerima suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dilaksanakan oleh kerajaan (Berita Harian, 26 Mei 2021). Apabila semakin ramai orang mendapat vaksin maka, semakin ramai penduduk dapat membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang lebih teruk. Secara tidak langsung ia boleh melindungi golongan yang berisiko yang tidak layak menerima vaksin (KKM, 2020). Walaupun pengambilan vaksin adalah tidak diwajibkan di Malaysia namun, pengambilan vaksin adalah salah satu cara untuk

mengekan penularan COVID-19 pada masa ini. Majlis Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 telah mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh Kerajaan (KKM, 2020).

Berdasarkan dapatan kajian jumlah warga PNM yang turut serta dalam kajian mendaftar sebagai penerima vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan adalah sebanyak 197 orang (90.0%) berbanding warga PNM yang masih belum mendaftar iaitu sebanyak 22 orang (10.0%) (Rajah 4).

Rajah 4: Mendaftar Sebagai Penerima Vaksin COVID-19




KKM melalui laman webnya telah memberikan panduan kepada semua rakyat Malaysia bagaimana cara untuk mendaftarkan diri sebagai penerima vaksin. Terdapat beberapa cara untuk mendaftar, menurut Jabatan Komunikasi Korporat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pendaftaran vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan boleh dilakukan dengan beberapa cara iaitu melalui aplikasi MySejahtera, laman web vaksinoid.gov.my, talian hotline vaksin 1800-888-828 dan Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara ataupun di mana-mana kaunter pendaftaran vaksin yang dibuka bagi memudahkan orang yang tidak tahu menggunakan internet seperti orang tua, OKU dan lain-lain. Hasil dapatan kajian, daripada 197 responden yang telah mendaftar menunjukkan seramai 180 responden (91.4%) mendaftar melalui aplikasi MySejahtera, 16 responden (8.1%) mendaftar melalui laman web vaksinoid.gov.my dan hanya 1 responden (0.5%) yang mendaftar melalui kaunter pendaftaran vaksin (jadual 2). Manakala, tiada yang mendaftar melalui talian hotline 1800-888-828.

Jadual 2: Platform Pendaftaran Vaksin

Bil	Platform	Jumlah	Peratus
1.	Aplikasi MySejahtera	180	91.4
2.	Web vaksin COVID.com.my	16	8.1
3.	Kaunter vaksin	1	0.5
4.	Hotline 1800-888-828	0	0

Daripada jumlah responden yang telah mendaftar sebagai penerima vaksin hanya 18 responden (9.1%) yang sudah menerima vaksin berbanding yang masih belum menerima vaksin iaitu 179 responden (90.9%) (Rajah 5).

Rajah 5: Penerima Vaksin COVID-19



Hampir separuh responden yang belum menerima vaksin walaupun sudah mendaftar tetapi vaksin yang akan diterima masih belum dinyatakan atau masih belum ada janji temu untuk menerima vaksin iaitu sebanyak 146 responden (74.1%). Jumlah yang telah atau akan menerima vaksin adalah sebanyak 51 responden (25.9%). Pecahan jenis vaksin yang telah dan akan diterima seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Jenis Vaksin Yang Telah/Akan Diterima

Bil	Jenis Vaksin	Jumlah	Peratus
1.	Pfizer	12	6.1
2.	Astrazeneca (AZ)	36	18.3
3.	Sinovac	3	1.5
4.	Lain-lain vaksin	0	0
5.	Belum dinyatakan	146	74.1

Secara keseluruhannya sebanyak 215 (98.6%) orang daripada jumlah responden menyatakan mereka yakin bahawa program imunisasi COVID-19 merupakan langkah yang proaktif bagi mencegah penularan wabak COVID-19. 19 orang merupakan responden yang masih lagi tidak mendaftar untuk menerima vaksin namun mereka tetap yakin dengan vaksin COVID-19. Hanya 3 (1.8%) responden menyatakan sebaliknya iaitu mereka kurang yakin.

ii. Menilai Keberkesanan Penyampaian Maklumat Program Imunisasi COVID-19

Pelbagai medium digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat tidak kira peringkat umur. Seperti Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa (2020) mengatakan penyampaian maklumat kepada kanak-kanak antaranya melalui bentuk buku kreatif Engkaulah Adiwiraku (2020). Antara lain tujuan agar penyampaian maklumat itu sampai untuk memberi pemahaman yang jelas berkaitan program imunisasi

COVID-19. KKM, KKMM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) dan lain-lain agensi, media massa serta media sosial banyak menyalurkan maklumat vaksin COVID-19. Namun adakah ini mencukupi kepada masyarakat? Berdasarkan dapatan kajian, menunjukkan bahawa kebanyakan responden sedia maklum dan tahu berkaitan program imunisasi COVID-19. Berikut adalah hasil dapatan mengenai tahap kesedaran mengenai maklumat am vaksin COVID-19.

Bagi menjawab objektif kajian yang kedua iaitu menilai keberkesanan penyampaian maklumat program imunisasi COVID-19, jadual interpretasi skor min digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Dapatan menunjukkan nilai skor min yang memilih jawapan berdasarkan skala Likert iaitu sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju keseluruhannya adalah tinggi iaitu melebihi skor min 4.00. Secara keseluruhannya, skor min Tahap Kesedaran Mengenai Maklumat Am Vaksin COVID-19 adalah 4.13. Jadual 4 menunjukkan skor min bagi setiap jawapan responden.

Jadual 4: Tahap Kesedaran Mengenai Maklumat Am Vaksin COVID-19

Bil.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Mln	Interpretasi Min
1.	Saya tahu tujuan seseorang diberikan vaksin imunisasi Covid-19.	8 (2.6%)	6 (2.7%)	11 (5.0%)	105 (47.9%)	89 (40.6%)	4.19	Tinggi
2.	Saya tahu pengambilan vaksin Covid-19 ini adalah secara sukarela dan tidak diwajibkan.	11 (5.0%)	17 (7.7%)	32 (14.6%)	98 (44.7%)	61 (27.9%)	3.83	Tinggi
3.	Vaksin yang diterima oleh individu berfungsi untuk merangsang sistem daya lawan jangkitan tubuh dan membentuk imuniti (daya tahan) terhadap jangkitan penyakit.	7 (3.3%)	6 (2.7%)	14 (6.4%)	105 (47.9%)	87 (39.7%)	4.18	Tinggi
4.	Pengambilan vaksin dalam kalangan rakyat Malaysia dapat mencapai hasrat untuk melindungi barisan hadapan negara.	10 (4.6%)	7 (3.2%)	16 (7.3%)	104 (47.5%)	82 (37.4%)	4.10	Tinggi
5.	Pengambilan vaksin dalam kalangan rakyat Malaysia dapat membentuk imuniti berkelompok.	9 (4.1%)	5 (2.3%)	13 (5.9%)	99 (45.2%)	93 (42.5%)	4.20	Tinggi

Bil.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Mln	Interpretasi Min
6.	Pengambilan vaksin dalam kalangan rakyat Malaysia dapat membantu mencapai hasrat kerajaan untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19.	7 (3.2%)	5 (2.3%)	16 (7.3%)	90 (41.1%)	101 (46.1%)	4.25	Tinggi
7.	Saya tahu pendaftaran vaksinasi Covid-19 melibatkan seluruh penduduk Malaysia (warganegara dan bukan warganegara) yang berumur 18 tahun dan ke atas.	7 (3.2%)	5 (2.3%)	19 (8.7%)	98 (44.7%)	90 (41.1%)	4.17	Tinggi
Tahap Kesedaran Mengenai Maklumat Am Vaksin COVID-19							4.13	Tinggi


Catatan: STS – Sangat Tidak Setuju, TS – Tidak Setuju, KS – Kurang Setuju, S – Setuju, SS – Sangat Setuju

Peranan Sumber Media

Kajian ini juga melihat keberkesanan dari sudut penggunaan sumber media dalam menyebarkan maklumat Program Imunisasi COVID-19. Ini kerana jika penyebaran maklumat palsu berkaitan dengan vaksin akan membahayakan pelaksanaan vaksin yang dikenali sebagai fenomena 'infodemik' iaitu penyebaran berita palsu atau maklumat tidak tepat yang berisiko membahayakan pelaksanaan program imunisasi atau vaksin COVID-19. Keadaan ini mungkin berisiko sehingga boleh melemahkan maklum balas global dan membahayakan usaha mengawal pandemik (BH Online, 26 November 2020). WHO mendefinisikan infodemik sebagai maklumat yang berlebihan, sama ada secara dalaman atau tidak termasuk percubaan yang disengajakan untuk menyebarkan informasi yang salah. Maklumat yang sahih perlulah sentiasa dikongsi dan disebar luas secara kerap agar kesedaran terhadap masyarakat akan berubah dan prihatin terhadap vaksin COVID-19.


Pelbagai platform digunakan untuk menyebarkan maklumat mengenai COVID-19 seperti tanggungjawab agensi berkaitan iaitu KKM, KKMM, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), WHO dan agensi lain amat perlu. Agensi penyiaran seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM), Media Prima, Berita Nasional (Bernama) juga mempunyai peranan sangat penting. Media sosial perlu dieksploitasi sebagai medan penyebaran maklumat COVID-19. Begitu juga fungsi perpustakaan seperti PNM, Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan Perpustakaan Desa (PD) perlu bersama-sama membantu untuk memberi maklumat kepada masyarakat. Dapatan kajian mengenai sumber media yang pernah menerima maklumat mengenai vaksin Covid-19 menunjukkan bahawa responden dalam kalangan warga PNM memilih TV adalah medium paling banyak memberi maklumat iaitu 204 pilihan (93.2%). Kedua adalah laman web KKM, MKN dan KKMM sebanyak 175 (79.9%), melalui pesanan khidmat ringkas (SMS) sebanyak 163 (74.4%), melalui radio sebanyak 144 (65.8%) dan kelima adalah sumber facebook lain sebanyak 135 (61.6%). Sumber facebook PNM pula responden memilih sebanyak 111 kali (50.7%) dan laman web PNM sebanyak 71 (32.4%).

Rajah 6: Sumber Media Yang Pernah Anda Terima Maklumat Mengenai Vaksin COVID-19



Bagi sumber maklumat yang paling berkesan dalam menerima maklumat mengenai vaksin COVID-19, responden juga memilih TV iaitu sebanyak 189 (86.3%), laman web KKM, MKN dan KKMM sebanyak 146 (66.7%), pesanan khidmat ringkas (SMS) 132 (60.3%), radio sebanyak 124 (50.6%) dan sumber facebook lain sebanyak 104 (47.5%). PNM pula melalui sumber Facebook PNM sebanyak 85 (38.8%) dan laman web PNM sebanyak 60 (27.4%). Rajah 7 menunjukkan keseluruhan dapatan ini.

Rajah 7: Sumber Maklumat Yang Paling Berkesan Mengenai Maklumat Vaksin Covid-19



Sebanyak 190 (86.8%) mengatakan maklumat am mengenai vaksin COVID-19 yang diterima adalah mencukupi berbanding 29 responden (13.2%) mengatakan maklumat tidak mencukupi. PNM berperanan dalam penyebaran maklumat am mengenai vaksin COVID-19 pula, responden mengatakan 145 (66.2%) adalah mencukupi dan sebanyak 74 responden (33.8%) memilih tidak kepada peranan PNM dalam penyebaran maklumat am COVID-19.

Jadual 5: Penyebaran Maklumat Am oleh PNM Mengenai Vaksin COVID-19

Bil	Perkara	Ya	Tidak
1.	Maklumat am vaksin Covid-19 mencukupi	86.8%	13.2%
2.	Peranan PNM dalam penyebaran maklumat am vaksin Covid-19 mencukupi	66.2%	33.5%

iii. Mengenal Pasti Faktor Penyebab Tidak Mendaftar Program Vaksinasi COVID-19

KKM menasarkankan 70 hingga 80 peratus penduduk Malaysia mendaftar dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, namun sehingga kini hanya 7.6 juta daripada 26.7 juta yang mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera (Astroawani, 4 April 2021). Menurut Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba, KKM masih belum berpuas hati, kemungkinan besar KKM akan mencari punca sebab apa mereka tidak daftar. Adakah kempen tidak cukup kuat atau mereka takut atau mahu tunggu dan lihat. Pendaftaran secara manual di pejabat kesihatan, klinik kesihatan, hospital kerajaan dan swasta juga telah dibuka bagi memudahkan penduduk yang tidak mempunyai kemudahan teknologi dan capaian internet untuk mendaftar bagi mendapatkan vaksin yang diberi secara percuma (Sinar Harian, 4 April 2021).

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia Datuk Dr Zainal Ariffin Omar menjelaskan, terdapat sesetengah golongan masyarakat di negara ini masih tidak memahami dan ragu dengan keberkesanan vaksin dalam mencegah pandemik itu (Hmetro, 5 April 2021). Perkara ini perlu diambil serius dan proaktif untuk turun padang memberi pemahaman dan penerangan kepada masyarakat jika mahu menarik lebih banyak pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Berdasarkan dapatan data kajian menunjukkan bahawa terdapat 22 (10.0%) responden yang masih lagi tidak mendaftar sebagai penerima vaksin (rujuk Rajah 4). Antara faktor yang mendorong responden tidak mendaftar adalah seperti Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Faktor Yang Menyebabkan Anda Masih Belum Mendaftar Untuk Menerima Vaksin


Bil	Faktor	Jumlah	Peratus (%)
1.	Tidak memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon bimbit	1	4.5
2.	Mahu mendapatkan suntikan vaksin tetapi tidak tahu cara untuk mendaftar	3	13.6
3.	Tidak berminat langsung untuk mendapatkan suntikan vaksinasi Covid-19	4	18.2
4.	Capaian internet yang terhad atau tiada capaian internet	1	4.5
5.	Kesukaran mendaftar vaksin dalam aplikasi My Sejahtera	7	31.8
6.	Mengandung/Menyusukan anak	6	27.3
7.	Berada di kawasan luar bandar	-	-

Berdasarkan Jadual 6, kesukaran mendaftar vaksin dalam aplikasi MySejahtera adalah faktor tertinggi dengan jumlah 7 responden (31.8%). Diikuti dengan faktor mengandung/menyusukan anak sebanyak 6 responden (27.3%). Keadaan ini disebabkan oleh keraguan untuk menerima vaksin yang boleh menyebabkan kesan sampingan terhadap ibu dan anak responden. Ini bersandarkan kepada penjelasan KKM bahawa vaksin Pfizer hanya sesuai untuk individu hamil antara 14-33 minggu atau tangguhkan selepas melahirkan anak. Vaksin Astrazeneca dan Sinovac pula tidak disyorkan bagi ibu mengandung. Bagi ibu menyusu pula, vaksin Pfizer, Astrazeneca dan Sinovac adalah sesuai menerima vaksin (KKM, 2021). Walaupun jumlah responden adalah kecil yang memilih faktor tidak berminat langsung untuk mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19 iaitu sebanyak 4 orang (18.2%) namun, perlu diambil perhatian sewajarnya kerana mereka boleh dianggap sebagai anti vaksin. Kempen kesedaran perlu dilaksanakan kerana ianya boleh mempengaruhi ahli keluarga, sahabat dan komuniti setempat mereka.

Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhan, Tahap kepuasan hati responden iaitu warga PNM terhadap program imunisasi dalam memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dibendung di negara ini adalah pada tahap berpuas hati (59.4%) dan sangat berpuas hati 25.1%.

Rajah 8: Tahap Kepuasan Hati Responden Terhadap Program Imunisasi COVID-19



Secara rumusannya, beberapa cadangan penambahbaikan terhadap penyampaian maklumat am mengenai vaksin COVID-19 yang diutarakan oleh responden adalah seperti berikut:

- i. Turun padang untuk menyampaikan maklumat yang lebih meluas dan bersasar terutamanya bagi golongan masyarakat luar bandar;
- ii. Perlu disebar dari masa ke masa menggunakan pelbagai media;
- iii. Menjadikan penjawat awam sebagai contoh berkesan penyampaian am vaksin ini kepada orang ramai dengan mewajibkan Kementerian/Jabatan memastikan seluruh kakitangan telah divaksin melalui program khas anjuran pihak terbabit;
- iv. Edaran phamplet atau brosur tentang kepentingan vaksin dan cara mendaftar untuk mendapatkan vaksin;
- v. Penyampaian maklumat dalam empat (4) bahasa (Bahasa Malayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil) bagi memudahkan mesej sampai pada masa yang tepat, betul dan sahih; dan
- vi. Maklumat am mengenai vaksin COVID-19 haruslah dinyatakan bersama-sama dengan kebaikan dan keburukan jika tidak mengambil vaksin tersebut supaya rakyat lagi terbuka mengenai vaksin

Manakala peranan PNM sebagai menyebarkan maklumat mengenai vaksin pula adalah seperti berikut:

- i. Agenda penyampaian maklumat COVID-19 dimasukkan ke dalam perutusan setiap mesyuarat di jabatan;
- ii. Memberi maklumat melalui media sosial PNM, aplikasi WhatsApp dan e-mel kakitangan PNM;
- iii. PNM perlu lebih kerap menyalurkan maklumat (retweet, sharing posting) dari badan berautoriti seperti MKN dan KKM bagi tujuan hebahan dan pemakluman kepada warga PNM serta awam. Iklan/hebahan perlukan pengulangan (repeatation);
- iv. Taklimat kesedaran dan tanggungjawab mengambil vaksin utk diri sendiri, ibu bapa dan keluarga dengan dengan menjemput pakar dalam bidang berkaitan maklumat am vaksin
- v. Menggunakan ikon membaca sebagai penyampai maklumat berkaitan kebaikan vaksin;
- vi. Peranan warga PNM untuk menyampaikan maklumat tepat mengenai kebaikan vaksinasi COVID-19 kepada keluarga terdekat, kejiranan dan komuniti yang kurang terdedah kepada maklumat am vaksin;
- vii. PNM dan Perpustakaan seluruh negara perlu memainkan peranan menghebahkan maklumat-maklumat tentang kepentingan program vaksinasi COVID-19 dalam pelbagai kaedah yang bersesuaian; dan
- viii. PNM perlu mempercepatkan penerimaan vaksin terutamanya warga PNM dengan memohon pendaftaran vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berbanding kaedah sekarang yang mengambil lebih masa untuk mendapatkan vaksin dan mewajibkan pengambilan vaksin kepada semua warga PNM.

Penutup

Vaksinasi merupakan salah satu usaha pencegahan yang boleh diambil oleh masyarakat dalam menangani penyakit tertentu. Walaupun begitu, banyak kajian telah dijalankan untuk memastikan bahan yang digunakan dalam vaksin adalah selamat dan tidak lari daripada kaedah-kaedah yang digariskan oleh Islam dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pencegahan penyakit-penyakit tersebut adalah amat penting untuk pembangunan komuniti yang bebas daripada COVID-19. Pencerahan berkaitan vaksin perlu diberikan secara berterusan kepada masyarakat supaya masyarakat lebih prihatin dengan usaha keranjaan dalam usaha pencegahan COVID-19 di Malaysia. Penerangan secara besar-besaran perlu dilaksanakan di pelusuk negara terutama luar bandar yang masih lagi mempunyai kekangan dari segi kemudahan internet. Perpustakaan yang berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan maklumat harus cakna dan bersama-sama membantu kerajaan menyampaikan maklumat vaksin COVID-19. Dengan jumlah lebih 2,900 perpustakaan di Malaysia sama ada di bandar dan luar bandar dan PNM sebagai peneraju perpustakaan adalah tidak mustahil penyampaian maklumat vaksin COVID-19 dapat disebarkan secara menyeluruh. Kesungguhan Malaysia menyekat penularan wabak COVID-19 telah menunjukkan kejayaan kesihatan awam dan pihak kerajaan akan berjaya dan mencapai kejayaan.

Bibliografi

- Ahmad Hisham Azizan. "Kandungan Vaksin (vaccine ingredients): Satu Analisa Menurut Perspektif Islam". *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Vol.1(4) (2018) : 061-070.
- Ain Umaira, Syafiqah, Rathedevi, Nor Kamariah, Azmawani, Zamberi, Aini & Mohamed Thariq. "Covid-19 Outbreak in Malaysia: Action Taken by Malaysia Government". *International Journal of Infectious Diseases*. 97 (2020): 108-116. <https://dx.doi.org/10.1016%2Fj.ijid.2020.05.093>.
- Arina Anis Azlan, Mohammad Reza Hamzah, Sern, T.J., Suffian Hadi, & Emma Mohammad. "Public knowledge, attitudes and practices towards COVID-19: A cross-sectional study in Malaysia". *Plos One*. Vol 15(5) (2020) : 1-10.
- Asita Elengoe. "COVID-19 Outbreak in Malaysia". *Osong Public Health and Research Perspective*. Vol 11(3) (2020): 93-110. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7258884/>.
- Astroawani. "KKM akan kenal pasti faktor ramai rakyat masih belum daftar vaksin". 4 April 2021, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-akan-kenal-pasti-faktor-ramai-rakyat-masih-belum-daftar-vaksin-291671>.
- Astroawani. "Pintu sempadan negara masih ditutup kepada warga asing - Ismail Sabri". 9 Jun 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pintu-sempadan-negara-masih-ditutup-kepada-warga-asing-ismail-sabri-246367>.
- Berita Harian. "Singapura Malaysia mahu imuniti kelompok tapi sedikit daftar vaksin Covid-19". 26 Mei 2021, <https://www.beritaharian.sg/dunia/malaysia-mahu-imuniti-kelompok-tapi-sedikit-daftar-vaksin-covid-19>.
- BH Online. "Kronologi COVID-19 di Malaysia". 17 Mac 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-COVID-19-di-malaysia>
- BH Online. "COVID-19: Wuhan lapor jangkitan pertama dalam tempoh lebih sebulan." 10 Mei 2020, <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/05/687441/covid-19-wuhan-lapor-jangkitan-pertama-dalam-tempoh-lebih-sebulan>.
- BH Online. "Tingkatkan amalan 3W, jauhi 3S, 3C". 28 Mei 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/693790/tingkatkan-amalan-3w-jauhi-3s-3c>.
- BH Online. "Penyebaran berita palsu bahayakan pelaksanaan vaksin COVID-19". 26 November 2020, <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/11/758639/penyebaran-berita-palsu-bahaya-kan-pelaksanaan-vaksin-covid-19>.
- BH Online. "Tutup pintu sempadan tidak jejas hubungan antarabangsa". 28 Februari 2021, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/791203/tutup-pintu-sempadan-tidak-jejas-hubungan-antarabangsa>.
- BH Online. "Sempadan negara masih perlu ditutup – Muhyiddin". 27 April 2021, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/811405/sempadan-negara-masih-perlu-ditutup-muhyiddin>.
- DoctorOnCall. "Ini sebenarnya alasan golongan anti vaksin. Tidak masuk akal!". 17 Februari 2021, <https://www.doctoroncall.com.my/health-centre/vaksinasi/anti-vaksin>.

- Fahmy Azril Rosli. "Berita Harian Online." *Daftar Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Pusat Internet Komuniti*. 1 April 2021, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/802330/daftar-program-imunisasi-COVID-19-kebangsaan-di-pusat-internet>.
- Fauzi Suhaimi. "Fahami perbezaan epidemik, endemic dan pandemic". 17 April 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemik-dan-pandemik-233401>.
- Hafidzi, A. "Kewajiban penggunaan vaksin: antara legalitas dan formalitas dalam pandangan Maqashid Al-Syariah". *YUDISIA: Jurnal Pemikiran Hukum Dan Hukum Islam*. 11(2) (2020): 209–218.
- Al-Hanawi, M.K., Angawi, K., Alsha-reef, N., Qattan, A.M., Helmy, H.Z., Abudawood, Aqurashi, M., Kattan, W.M., Kadasah, N.A., Chirwa, G.C. & Alsharqi, O. "Knowledge, attitude and Practice toward COVID-19 among the public in the Kingdom of Saudi Arabia: A Cross-sectional study". *Frontiers in Public Health*, 8 (2020): 217 - 225. <https://dx.doi.org/10.3389/fpubh.2020.00217>.
- Herlihy, S.M. & Hagood, E.A. *Your baby's best shot: why vaccines are safe and save lives*. Maryland: Rowman & Littlefield, 2012.
- Hmetro. "Pendaftaran vaksin rendah, ramai tak faham, masih ragu". 5 April 2021 <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/691587/pendaftaran-vaksin-rendah-ramai-tak-faham-masih-ragu>.
- Jawatankuasa Jaminan Khas Belakan Vaksin COVID-19 (JKJAV). 2021. <https://www.vaksinCOVID.gov.my/>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. "Kenyataan akhbar KPK 16 Januari 2020 – kesiapsiagaan dan respons KKM dalam menghadapi potensi penularan Novel Coronavirus, Wuhan, China". 2021 <https://kpkkesihatan.com/2020/01/16/kenyataan-akhbar-kpk-16-januari-2020-kesiapsiagaan-dan-respons-kkm-dalam-menghadapi-potensi-penularan-novel-coronavirus-wuhan-china/>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. "Jadual imunisasi kebangsaan (suntikan vaksin)". <https://www.permohonan.my/jadual-imunisasi-kebangsaan-bayi/>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. "Panduan vaksinasi untuk ibu mengandung dan ibu menyusukan bayi". <http://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19/panduan/panduan-vaksinasi-untuk-ibu-mengandung-dan-ibu-menyusukan-bayi>.
- Kristini, T. D. "Faktor-faktor risiko kualitas pengelolaan vaksin program imunisasi yang buruk di unit pelayanan swasta". *Program Pasca Sarjana Universitas Diponegoro*, Kota Semarang, 2008.
- Lim, L.L. "The socioeconomic impacts of COVID-19 in Malaysia: Policy review and guidance for protecting the most vulnerable and supporting enterprise". *International Labour Organization*. 2020, http://ilo.org/asia/publications/WCMS_751600/lang--en/index.htm.
- Masnun, M. A., Sulistyowati, E., & Ronaboyd, I. "Pelindungan hukum atas vaksin COVID-19 dan tanggungjawab negara pemenuhan vaksin dalam mewujudkan negara kesejahteraan". *DiH: Jurnal Ilmu Hukum*, 17(1) (2021): 35–47.
- Mohd Anuar Ramli, Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi dan Noor Fahimah Mohd Razif. "Autoriti Kerajaan Dalam Mewajibkan Vaksinasi Kanak-kanak: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam". *International Journal of Islamic and Civilisational Studies*. Vol. 6 No. 2 (2019). <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2.243>.

- Noor Mohamad Shakil Hameed. "COVID-19: Perubahan bukan lagi pilihan". <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1844124>.
- Noriha Basir, Ina Suryani Ab Rahim dan Mohamad Zaki Abdul Halim. "Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme melalui Perangkaan Data kes COVID-19 di Malaysia." *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol.11 (2020): 11-30. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.2.2020>.
- Oh, J., Lee, J. K., Schwarz, D., Ratcliffe H. L., Markuns, J. F., & Hirschhorn, L. R. "National Response of COVID-19 in the Republic of Korea and lessons learned for other countries. Health System and Reforms". Vol 6(1) (2020): 1-11. <https://dx.doi.org/10.1080/23288604.2020.1753464>.
- Peng, Y., Pei, C., Zheng, Y. Wang, J., Zheng, K., Zheng, Z., & Zhu, P. "A cross-sectional survey of knowledge, attitude and practice associated with COVID-19 among undergraduate students in China". *BMC Public Health*. 20 (2020): 1-10. <https://doi.org/10.1186/s12889-020-09392>.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Maklumat Perjawatan Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2020.
- Rahman, Y.A. "Vaksinasi massal COVID-19 sebagai sebuah upaya masyarakat dalam melaksanakan kepatuhan hukum (Obedience Law)". *Khazanah Hukum*. Vol. 3 (2) (2021): 80-86. <https://doi.org/10.15575/kh.v3i2.11520>.
- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat @ Mustaffa. "Pandemik COVID-19 dalam persekitaran kanak-kanak menerusi Engkaulah Adiwiraku". *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jilid 11 (2020): 31-45, Edisi Khas 2020. <https://doi.org/10.37134/pendeta>.
- Sears, R.W. *The vaccine book: making the right decision for your child*. New York: Little, Brown and Company, 2007.
- Shafiza Safie dan Zulkifli Mohamed. "Pencegahan penyakit berjangkit (COVID 19), kesan dan hikmahnya menurut perspektif Islam". *Jurnal al-Turath*. Vol. 5(2) 2020.
- Sinar Harian. "KKM kaji punca rakyat kurang daftar vaksin". 4 April 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/131949/KHAS/Covid-19/KKM-kaji-punca-rakyat-kurang-daftar-vaksin>.
- Sohana Abdul Hamid. "Anti vaksin: apakah natijahnya kepada masyarakat?" *Journal of Social Science of Humanities*, Vol. 16 (2) (2019): 1-5.
- Thoreau, H. D., & MacLeish, A. *Civil disobedience*. Virginia Tech, 2001.
- Ul Haq, N., Hasali, M.A., Shafie, A.A., Saleem, F., Farooqui, M., & Aljadhey, H. "A cross sectional assessment of knowledge, attitude and practice towards Hepatitis B among healthy population of Quetta, Pakistan". *BMC Public Health*, 12(1) (2012): 1-8. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/22917489/10.1186/1471-2458-12-692>.
- World Health Organization. Health topics: *Vaccine*. 7 Jun 2021, www.who.int/topics/vaccines/en.html.
- Yuningsih, R. "Uji Klinik Coronavac dan rencana vaksinasi Covid-19 massal di Indonesia". *Info singkat: kajian singkat terhadap isu aktual dan strategies*, XII (16).

NOTA
NOTES

NOTA NOTES

ISSN 0127-1172



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia

☎ 03-2687 1700 • 📠 03-2694 2490

🌐 www.pnm.gov.my



PerpustakaanNegaraMalaysia



pnm_iasmi



PNM_iasmi



blog.pnm.gov.my



saluransosialpnm